



# MENYATUPADUKAN GENERASI



**NECE**  
MALAYSIA

**40-Hari Berpuasa & Berdoa 2010**  
8 Ogos - 16 September



# MENYATU PADUKAN GENERASI

**40-Hari Berpuasa & Berdoa 2010**  
**8 Ogos - 16 September**



*Buku doa ini digunakan bersama dengan Alkitab. Semua bahan doa adalah sebagai panduan saja. Semoga Roh Kudus memimpin anda sepanjang 40 Hari Berpuasa & Berdoa.*

*“Sesungguhnya Aku akan mengutus nabi Elia kepadamu menjelang datangnya hari TUHAN yang besar dan dahsyat itu. Maka ia akan membuat hati bapa-bapa berbalik kepada anak-anaknya dan hati anak-anak kepada bapa-bapanya supaya jangan Aku datang memukul bumi sehingga musnah”.*

*Maleakhi 4:5-6*

## Kata Pendahuluan & Prakata

# MENYADUKAN GENERASI UNTUK NEGARA!



Inilah tema yang dipilih untuk 40-Hari Doa dan Puasa pada tahun ini. Acara ini menandakan ulang tahun ke-10 NECF sejak melancarkan buku 40-Hari Berpuasa & Berdoa. Acara ini selalu menjadi acara kemuncak dalam kalender tahunan NECF. Bagaimanapun, tahun ini, ada satu perubahan – tarikh pelancarannya adalah 8 Ogos dan bukan 22 Julai seperti biasanya, dan berakhir pada 16 September ketika seluruh negara merayakan Hari Satu Malaysia.

Akhir-akhir ini, ada kekhawatiran bahawa generasi muda tidak bangkit untuk mengambil alih tanggungjawab daripada kepimpinan sekarang. Kelihatannya ada "pemisah generasi" dan perkara ini telah melemahkan kepimpinan bersama gereja-gereja di negara ini. Pelayanan dan kepimpinan gereja daripada generasi yang berlainan merupakan perkara yang belum diterokai dan bidang yang harus dikuasai. Kita melihat gereja-gereja yang semakin tua di mana-mana dan amat memerlukan lebih ramai kaum muda agar gereja-gereja tersebut tidak lenyap. Sedihnya, kita seolah-olah tidak berusaha untuk menarik mereka ke gereja-gereja kita. Adakah sesuatu yang tidak kena? Jika ada, inilah masanya bagi generasi yang lebih tua untuk memikirkan cara mewariskan iman dengan lebih bermakna dan tekun kepada generasi yang lebih muda.

*"Ada kekhawatiran bahawa generasi muda tidak bangkit untuk mengambil alih tanggungjawab daripada kepimpinan sekarang."*



Semasa memikirkan proses ini, kita mesti mempertimbangkan tiga faktor penting:

- 1** Pembinaan hubungan berlaku apabila golongan muda dan golongan tua melayani bersama-sama. Apabila hal ini berlaku, persoalan tentang siapa yang mengawal dan berkuasa tidak akan timbul. Persoalan ini bukan yang terpenting.
- 2** Kita mesti belajar menerima dan menangani perselisihan dengan tujuan membina. Dengan itu, barulah perselisihan dapat diselesaikan dengan baik.
- 3** Tuhan ialah Tuhan bagi setiap generasi. Rancangan Tuhan untuk gereja bukan sebagai badan yang terdiri daripada satu generasi yang beroperasi selama 30 tahun sahaja! Tuhan ingin setiap generasi, dengan keunikan masing-masing, supaya dapat melengkapi generasi yang lain untuk mengembangkan kerajaan-Nya serta memuliakan Dia.

Di dalam Keluaran 17, ada kisah tentang bagaimana tiga generasi tetap bersatu untuk mengalahkan orang Amalek. Musa mengarah Yosua untuk memilih orang yang akan berperang bagi Tuhan sementara Musa pergi ke puncak bukit untuk mendoakan mereka. Sokongan doa daripada Musa, dengan bantuan Harun dan Hur, memberi dorongan dan pemerkasaan yang amat besar kepada Yosua. Sokongan itu juga meyakinkan Yosua bahawa Tuhan berpihak kepada mereka dan akan mengalahkan musuh. Demikian juga Gereja di Malaysia. Semua generasi mesti mendorong dan melengkapi satu sama lain untuk menjalankan tugas nanti.

Kita tinggal di dunia yang telah diperalat dan diserang oleh Iblis. Keluarga dirosakkan dan dihancurkannya. Kita mempunyai musuh yang sama. Hakikat ini seharusnya menyatukan kita kerana visi dan tujuan kita sama. Setiap generasi tidak dapat berperang sendirian. Kita perlu menghormati setiap generasi dan satu sama lain. Dengan itu, kita bersama-sama mengimpak masyarakat dan negara kita. Jelaslah bahawa perkara ini tidak dilakukan pada masa ini. Oleh itu, kita perlu bertaubat, mendapat pengampunan dan pemulihan – meninggalkan kegagalan serta kelemahan dan berusaha dengan gigih untuk menuju kepada sasaran – mengenal keunikan setiap generasi dan memperkasanya untuk memainkan peranan yang diberi oleh Tuhan untuk masa depan negara. Itulah sebabnya kita mesti memulihkan, membina dan menyatupadukan generasi yang berlainan untuk negara.

Semoga buku kecil ini, keluaran kita yang ke-10, menjadi panduan yang penting untuk mendorong anda dan keluarga serta orang lain untuk berpuasa dan berdoa demi pembinaan dan pemulihan generasi bagi kemuliana nama-Nya yang agung!

*Samuel Ang, Setiausaha Agung, NECF Malaysia*

# Visi Tuhan Untuk Keluarga

**O**rang sering mengatakan bahawa keluarga yang kuat menjadikan bangsa sihat. Meskipun pernyataan ini tidak dipersoalkan, namun sikap ingin hidup sendiri seperti kebiasaan di Barat pada masa ini, cenderung mengikuti contoh individu-individu yang berkumpul untuk membentuk unit asas suatu masyarakat. Kecenderungan ini bercanggah dengan maksud dan tujuan Tuhan. Maksud Tuhan adalah bagi keluarga-keluarga dan unit keluarga untuk menjadi struktur asas bagi penciptaan. Maksudnya, pada pandangan Tuhan, manusia tidak terdiri daripada individu-individu yang hidup seorang-seorang tetapi mereka saling memerlukan dalam satu keluarga, di rumah dan masyarakat yang menjadi dasar dan tunjang negara yang sihat.

Unit keluarga juga menjadi inti perjanjian Tuhan. Kejadian 12:3 memberitahu kita bahawa Tuhan ingin memberkati semua keluarga di bumi. Oleh sebab unit keluarga merupakan institusi asas yang pertama dalam kehidupan manusia, maka penyelamatan pun datang kepada keluarga. Individu dan masyarakat akan diselamatkan melalui keluarga. Sekiranya unit keluarga hancur dan mengalami kemerosotan moral dan rohani, maka hal ini melemahkan kehidupan komuniti, masyarakat dan juga negara.

Dengan itu, berdasarkan pengertian ini, tanggungjawab moral dan kepentingan untuk memastikan unit keluarga kita tidak rosak adalah penting – hubungan perkahwinan yang rukun antara suami isteri dan hubungan mesra antara ibu bapa dan anak. Kewajipan untuk mempertahankan moral ini tidak seharusnya bergantung kepada undang-undang atau akhlak. Ia didorong oleh kewajipan ilahi berdasarkan Yesus Kristus sebagai Tuhan dan penguasa hidup kita. Itulah sebabnya dalam ayat-ayat Alkitab yang merujuk kepada tanggungjawab suami-isteri-ibu bapa-anak (yang disebut kod rumah tangga), dorongan yang selalu diberi adalah melakukannya seperti “kepada Tuhan” atau “dalam Tuhan”.

Di dalam Efesus 5.22—6:9, Paulus mendorong semua pihak dalam unit keluarga untuk memainkan peranan dan menjalankan tugas masing-masing – sama ada sebagai suami, isteri atau anak-anak – demi kesatuan jemaah. Apabila semua pihak dalam unit keluarga memainkan peranan mereka dan menghormati satu sama lain sebagaimana kepada Tuhan, maka transformasi rohani akan berlaku. Transformasi ini akan menjadi suatu pernyataan dan kesaksian kepada dunia tentang orang percaya yang diubah oleh kuasa Tuhan dalam struktur dan institusi keluarga. Itulah kesaksian kehidupan yang diubah kerana masyarakat telah diubah, dan bangsa pun akan diubah kelak.

Untuk keluaran khas ini, kami juga ingin berterima kasih kepada setiap orang yang telah menyumbang kepada penerbitan buku kecil ini – mereka yang telah menulis artikel, kesaksian, menterjemah dan membacapruf teks, serta semua orang percaya yang akan menggunakan buku doa ini untuk peneguhan iman. Kami berdoa agar semua orang akan mendapat manfaat daripada buku kecil ini untuk mendoakan serta memperkasakan generasi agar mereka bersatupadu dan bergerak maju. Sumbangan anda amat besar dan sangat dihargai.

Semoga Tuhan memberkati doa dan usaha anda untuk “Mengubah Negara dalam Berpuasa dan Berdoa”!

*Nota Penyunting oleh Eugene Yapp & Lucrece Loo*

# Jurang Generasi: Adakah Ini Benar-Benar Wujud?

**S**aya dan anak lelaki saya sukar bercakap, kami menghadapi jurang generasi", seorang bapa mengeluh. "Kaum muda sekarang menggunakan cara lain, saya tidak memahami mereka", kata seorang pastor. Ungkapan-ungkapan ini biasa didengar oleh generasi tua dan muda. Generasi tua mengungkapkannya dengan kejengkelan sementara generasi muda mengatakan dengan rasa terdesak. Adakah perbualan ini menggambarkan jurang generasi dalam keluarga dan gereja kita? Ada sebilangan orang berkata, "Ya" dan yang lain berkata "Tidak". Adakah kita memahami sebabnya ungkapan seperti itu menjadi kebiasaan dalam kehidupan sehari-hari kita?

Marilah memeriksa dengan teliti beberapa ciri tersendiri sosio-budaya yang menyumbang kepada jurang generasi ini dalam hal menjadi pengikut dan murid Kristus.

Generasi "Booster" terdiri daripada orang yang lahir di antara tahun 1927 hingga 1945. Mereka disifatkan sebagai orang yang bekerja keras, tekun dan komited kepada apa pun tugas atau kesukaran untuk mengikut Kristus. Ketabahan adalah ciri khas generasi ini. Sebaliknya, generasi "boomer" terdiri daripada orang yang lahir di antara tahun 1946 hingga 1970-an. Mereka disifatkan sebagai orang praktikal. Mereka mempersoalkan keadaan yang sedia ada. Mereka dipandang sebagai generasi yang bersifat idealis. Ciri khas mereka adalah kepuasan hati dan makna dalam apa yang dilakukan dan dalam pelayanan kepada Tuhan. Generasi "Buster", atau lebih dikenali sebagai "Gen-Y", adalah orang yang dilahirkan dari tahun 1980-an hingga pertengahan 1990-an. Pada umumnya mereka pandai menggunakan teknologi komunikasi dengan cepat, seperti Internet, e-mel dan laman web seperti You Tube dan laman web rangkaian sosial seperti Facebook, MySpace dan Twitter. Generasi ini bersifat lebih radikal dan bertoleransi secara budaya berbanding dengan generasi sebelumnya.

Dengan ciri-ciri yang berbeza ini, bolehkah generasi-generasi ini bersatupadu dan bekerjasama? Misalnya, "Busters" pada umumnya menganggap "Boosters" sebagai tegas, disiplin, kasar dan komited pada keadaan yang sedia ada walau apa pun yang berlaku. Mereka dianggap tidak bertoleransi dengan perubahan. Sebaliknya, "Boosters" menganggap "Boomers" sebagai anti-budaya, bebas dan terlalu pragmatik. Tanggapan seumpama itu biasanya diwarnai oleh corak sosio-budaya dan pemikiran sendiri dan bukan suatu perbezaan yang besar. Kekurangan pemahaman terhadap ciri-ciri khas setiap generasi telah menyumbang kepada jurang generasi. Hal ini telah menyebabkan kedua-dua generasi menanggapi satu sama lain dengan sikap berat sebelah atau menurut pandangan generasi sendiri. Hal ini menghalang generasi yang berlainan untuk bersatupadu dan bekerjasama. Jika analisis tersebut terbukti benar, maka persoalananya adalah: Adakah jurang generasi ini benar atau adakah ini disebabkan oleh pandangan berat sebelah menurut budaya dalam generasi masing-masing? Generasi-generasi ini harus memeriksa pandangan mereka terhadap satu sama lain dan sedar akan sikap berat sebelah dan prasangka mereka terhadap orang lain.

Marilah berdoa agar Tuhan menyatakan kegagalan dan sikap berat sebelah kita sendiri, tidak kira kita tergolong dalam generasi apa. Marilah berusaha untuk menentang sikap berat sebelah dalam bentuk apa pun. Kita sebaiknya mencari pandangan Alkitabiah bagi generasi-generasi yang berlainan agar kita menjadi berkat kepada semua!



# Memilih Dengan Bijak

**B**elia adalah sama dengan keghairahan dan semangat. Tetapi keghairahan belia kadang-kadang menjadi penyekat bagi keakraban dengan Tuhan – jika ini membuat kaum belia menumpukan perhatian pada keseronokan sementara di dunia dan bukan pada nilai-nilai kekal. Cabaran besar bagi belia adalah perkataan ‘PILIHAN’. Pilihan yang mencabar belia hari ini terlalu banyak dan pelbagai jenis untuk disenaraikan di sini. Pilihan yang dibuat hari ini akan menentukan masa depan mereka.

Mungkin sebilangan orang tahu, tetapi adakah anda tahu persamaan Laut Utara, Laut Mediterranean dan Laut Hitam selain air masin? Ketiga-tiga lautan ini dipisahkan oleh tanah besar yang ratusan atau ribuan kilometer luasnya. Tetapi jika orang berada di puncak pergunungan Alps, orang itu akan mendapat jawapannya. Dari puncak itu, cuba lemparkan sebatang kayu ke satu arah dan kayu itu akan terapung di sungai Rhine dan akhirnya sampai di laut Mediterranean; lemparkan lagi satu batang kayu ke arah yang lain dan kayu itu akan jatuh di sungai Rhone dan akhirnya sampai di Laut Utara; lakukan hal yang sama ke arah yang ketiga dan kayu itu akan mengikut aliran air sungai Danube dan akhirnya sampai di Laut Hitam. Mesej itu jelas! Oleh itu, ambillah keputusan dengan bijak pada waktu anda masih muda. Matlamat pilihan seharusnya selaras dengan kedudukan sebagai anggota umat Tuhan.”

Oleh itu, buatlah pilihan dengan bijak agar kekuatan dan bakat anda dipakai oleh Tuhan semasa anda masih muda. Berhati-hatilah agar anda tidak mensia-siakannya di jalan yang akan membawa kepada kehampaan, yang menjadi kebiasaan buruk, dan akhirnya tidak dapat kembali ke pangkal jalan.

Semoga kita mendapatkan kata-kata Guru dalam Pengkhutbah 12:1 sebagai pengajaran kepada jiwa kita, “Oleh itu ingatlah Pencipta kamu semasa kamu masih muda, sebelum masa sengsara tiba dan kamu berkata, ‘Aku tidak menikmati hidup’.

*Oleh Penatua Kong Yeng Phooi, Timbalan Pengerusi, NECF Malaysia*

# *Menyatukan Belia untuk Bekerjasama dengan yang Lebih Tua*

Kita tidak mungkin dapat mengubah sebuah negara dalam satu hari. Kita tidak mampu mencapai perkara ini dengan kehendak dan kuasa satu orang sahaja. Oleh itu, untuk mengubah negara, kita memerlukan orang daripada berbagai-bagai generasi untuk bekerjasama dengan rendah hati. Dengan bersatupadu, pihak yang lemah dan kuat boleh saling menolong, dan dengan itu menjadi tenaga kerja yang bersepadan untuk mengubah negara.

Kita harus mengakui keterbatasan dan kelemahan kita sementara kita semua berusaha untuk mencapai matlamat yang sama. Kaum belia yang kreatif seolah-olah mempunyai bekalan tenaga yang tidak habis-habis. Orang dewasa yang bekerja cenderung bersifat lebih praktikal dan logik. Golongan dalam pertengahan umur mempunyai hubungan ramai orang sementara golongan tua itu kaya dengan pengalaman dan hikmat.

Saya seorang guru muda dan mengajar di Johor Bahru. Saya percaya bahawa kerjaya saya membuat saya terlibat langsung dalam mentransformasikan negara kita. Saya boleh memilih untuk memainkan peranan saya sebagai agen transformasi dengan seorang diri, atau bergabung dengan organisasi yang lebih besar bersama orang yang sehaluan dan bekerjasama dengan mereka. Saya bersyukur kepada Tuhan kerana selalu ada peluang bagi saya untuk bekerjasama dengan orang yang lebih tua dan berpengalaman.

Dalam perjumpaan Persekutuan Guru Kristian (TCF) pada Disember tahun lepas, saya mendapat peluang untuk berjumpa dengan guru-guru senior, kaunselor, dan pengetua apabila NECF Malaysia mengemukakan cadangan badan penyelaras pendidikan. Semasa mereka membincangkan isu-isu tersebut, saya mengagumi mereka. Saya merasa terhibur dan terdorong kerana mengetahui bahawa mereka telah melalui jalan yang kini saya jejak. Kehadiran mereka dalam perjumpaan itu menunjukkan kesetiaan mereka dan ini membuat saya teringin untuk menjadi seperti mereka. Saya merasa diilhamkan dan diberkati apabila duduk dengan mereka.

Selepas perjumpaan itu, seorang pensyarah muda menelefon dan bertanya sama ada saya rela bergabung dengan dia untuk membina bakal guru pada 2010. Kemudian, kami merekrut satu lagi guru muda. Ketiga-tiga kami berjumpa, merancang dan ingin melaksanakannya menurut kemampuan kami masing-masing. Tidak lama selepas itu, kami menyedari bahawa kami tidak perlu melakukannya sendirian. Kami boleh menggunakan statistik yang diberi oleh TCF untuk membuat pembentangan kami. Cara ini dapat memendekkan masa persiapan kami. Pihak NECF membantu kami untuk meluaskan visi. Kami mendapat peluang yang amat baik apabila bekerjasama dengan mereka. Mereka mempunyai rangkaian kerja dan idea praktis yang diambil daripada pengalaman mereka dan hal ini membantu kami untuk mencapai lebih banyak. Saya ternanti-nanti akan masa projek ini selesai.

Sementara ini, saya berdoa dan berharap agar melalui kesaksian yang mudah ini, lebih ramai golongan dewasa muda yang rela berkumpul dan bekerja dengan generasi yang berlainan, dan menuju kepada transformasi bangsa! Apabila orang daripada generasi yang berbeza mula bekerjasama, banyak perkara boleh dilaksanakan.

*Oleh Hew Mun Yoke (guru, berumur dalam lingkungan 20-an)*

# *Menyatupadukan Generasi untuk Mengubah Negara*

*Mazmur 145:4 menyatakan, "Perbuatan-Mu akan dipuji orang dari satu generasi ke satu generasi; mereka akan memberitakan perbuatan-Mu yang hebat."*

**D**ari "satu generasi" ke "satu generasi" yang mana satu? Saya percaya maksudnya adalah antara generasi. Bukan usaha satu pihak sahaja, melainkan melibatkan kedua-dua pihak. Kesatuan Gereja bermula dengan kesatuan generasi dalam Gereja. Sementara kita menjangkau keperluan generasi kita sendiri, janganlah kita lupa bahawa Tuhan kita adalah Tuhan atas semua generasi.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, saya berpeluang melihat penyatuan generasi – yang membawa ledakan kelahiran bayi, Gen-X, Gen-Y dan Gen-Z (atau lebih dikenali sebagai i-Gen), melayani bersama untuk memajukan Kerajaan Tuhan dan mengubah negara. Kami telah sengaja berusaha untuk mengerakkan generasi ke arah perubahan negara dan masyarakat. Usaha ini mengerakkan generasi ke arah perjuangan yang sama dan setiap generasi boleh memberikan sumbangan walaupun kami ada perbezaan.

Salah satu usaha adalah mengerakkan generasi untuk menjangkau dan menolong orang miskin dan yang berkekurangan, anak-anak dalam bahaya dan keluarga-keluarga dalam masyarakat. Generasi yang lebih tua dapat melayani golongan ibu bapa dalam masyarakat, terutamanya ibu tunggal, sementara generasi yang lebih muda dapat melayani anak-anak dan kaum belia. Matlamatnya adalah menolong memulihkan keluarga yang hancur selain menghapuskan kemiskinan dalam masyarakat. Dengan berganding bahu, kami melihat golongan muda dan tua melayani bersama-sama untuk menolong masyarakat tersebut. Kami juga melihat keluarga-keluarga Kristian menjadi lebih akrab apabila mereka melayani sebagai satu keluarga.

Satu lagi usaha yang kami telah lihat hasilnya adalah kerjasama kami dengan ibu bapa dan guru-guru. Kami mengajar mereka tentang kesihatan siber – bagaimana mereka menjadi mentor kepada anak-anak dan pelajar untuk mempunyai gaya hidup siber yang seimbang dan sihat. Tabiat buruk siber di kalangan kaum belia semakin meningkat. Masalah ini menjadi semakin buruk apabila terdapat jurang yang besar di antara golongan tua dan muda dalam dunia siber yang telah menjadikan jurang generasi semakin besar dan menimbulkan isu 'jurang digital'.

Apa yang saya belajar daripada pengalaman ini:

**Kerendahan hati** – saya telah menyaksikan bagaimana kuasa kerendahan hati telah menolong menjambatani jurang di antara generasi. "Demikian juga kamu, orang muda, hendaklah kamu taat kepada orang yang lebih tua. Hendaklah kamu semua merendahkan diri dan saling melayani..." (1 Petrus 5:5a).

**Menjadi mentor** – Saya sendiri sebagai Gen-X; saya telah belajar bahawa orang yang lebih muda sentiasa memandang kita sebagai model peranan sama ada kita menyedarinya atau tidak. Oleh itu, pertama-tama kita perlu menjadi orang yang kita ingin lihat dalam Generasi Akan Datang dan menjadi perbezaan yang kita inginkan dalam negara ini. Kita perlu menghapuskan 'kekurangan model peranan' di gereja hari ini.

**Mempercayai generasi yang akan datang** – generasi yang lebih tua mempunyai banyak pengalaman dan bijaksana. Tetapi kita perlu mempercayai generasi yang akan datang, membimbing mereka dan melepaskan potensi mereka dengan memanfaatkan daya kreatif dan tenaga mereka.

Oleh Daniel Tan, Pastor Belia SIB KL

*photography by jeret slack*



# Peraturan Ilahi

**HARI 1**  
8 Ogos,  
Ahad

Tuhan mempunyai peraturan! Rahsia kedamaian dan sukacita yang sejati terletak pada peraturan ilahi di dalam hati kita. Jika kita tidak dapat mengekalkan peraturan Tuhan dan menggantikannya dengan perkara lain demi keselesaan dan kesesuaian kita sendiri, sama ada di dalam keluarga atau di gereja, maka kekacauan dan kebingungan akan berlaku. Inilah yang kita hadapi pada hari ini secara individu dan kebangsaan! Kejayaan yang cemerlang tidak akan berlaku kecuali kita menjajarkan hidup kita dengan peraturan-Nya. Kita juga harus menetapkan keutamaan yang betul dalam kehidupan. Ketuhanan Kristus haruslah di atas sekali dan semua yang lain tunduk kepada Kristus sebagai Tuhan.

**Renungan Peribadi: Yesaya 38:1-4.** Tuhan mengutus seorang nabi kepada Hizkia dan mengarah dia untuk mengatur segala urusan rumah tangganya. Meskipun konteks dekat merujuk kepada persiapan yang perlu bagi kematiannya yang semakin hampir, kita boleh mendapat manfaat jika kita mengambil perhatian. Dalam 40 hari akan datang, carilah Tuhan dengan menyusun semula kehidupan anda, keluarga dan gereja anda, juga negara. Selain itu, kita juga harus membetulkan keutamaan dan perhubungan kita. Akuilah kegagalan anda kepada Tuhan dan mohonlah Dia mengatur serta membetulkan keutamaan dalam kehidupan dan pelayanan anda.

## TINDAKAN:

Berdamai dengan orang yang telah menyinggung perasaan anda. Rendahkan hati anda dan lepaskan pengampunan. Mohon Tuhan untuk menyatakan tindakan anda yang menyinggung perasaan orang lain, yang anda sendiri tidak sedar. Kemudian, selesaikan hal itu.

## BANGSA

Menghormati Orang Asal: Orang Asli – Agar Tuhan mengampuni kita atas ketidakadilan yang berlaku terhadap mereka dan agar mereka dihargai dengan sewajarnya. Membangkitkan pemimpin di kalangan mereka dan menguatkan orang Kristian supaya menjadi teguh dalam Firman. Melepaskan sumbangan dan tenaga dalam perintisan gereja di kalangan suku-suku yang kurang dijangkau.

**MENYAMBUT KRISTUS** antara bangsa-bangsa....memulihkan peraturan-Nya.

## BAHAN DOA:

- Gereja dan Negara: Bertaubat bagi pihak – kerana ketidaktaatan, pelanggaran Hukum-Nya, menggantikan dan menurunkan Ketuhanan-Nya.
  - Penyembahan berhala – *kebendaan, diri sendiri, pangkat, kejayaan*
  - Kepentingan diri – *kesombongan, perselisihan, memperalat orang lain*
  - Percabulan – *hawa nafsu, perzinaan, pornografi*
  - Kekotoran – *berbohong, mengumpat, gosip, separuh benar, angkuh, memfitnah dsb.nya.*
  - Ketidakadilan – *tidak prihatin terhadap orang yang belum mengenal Kristus, diketepikan, miskin, ditindas.*
- Mohonlah kepada Tuhan untuk memulihkan seluruh tubuh Kristus agar kembali kepada-Nya, sehingga ada hubungan dengan Dia dalam roh dan kebenaran. Pemulihan dan perdamaian dalam semua perhubungan yang terputus. Memulihkan ketertiban dan kesatuan dalam gereja.
- Kebenaran dan keadilan Tuhan supaya diamalkan di semua sektor kerajaan dan swasta. Hikmat untuk PM, TPM dan kabinet untuk memerintah bangsa dengan takut akan Tuhan. Kedamaian, kestabilan, keharmonian dan kemakmuran yang berterusan.

## NOTA:

---



---



---

Tuhan sendiri mentahbiskan keluarga dan perkahwinan sebagai blok dasar bagi bangunan masyarakat manusia. Tetapi Tuhan ialah pembaik pulih dan Pakar Pembina setiap perhubungan yang terputus. Jika Tuhan ada di pihak kita, siapakah yang dapat melawan kita! Marilah memandang kepada-Nya untuk membina semula dan menguatkan serta membela keluarga kita.

**Renungan:** Ef 5:22-33, 6:14. Carilah Tuhan untuk memulihkan hati kita sekiranya ada kemarahan, penolakan, rasa geram, kekecewaan atau kegagalan untuk mengampuni ibu bapa kita, suami/isteri, abang dan kakak. Akui lah semua itu dan berdamailah dengan satu sama lain.

## **TINDAKAN:**

Berjalanlah di sekeliling rumah dan taman perumahan anda, dan berdoa mohon perlindungan atas keluarga anda dan semua keluarga yang lain di kejiranian anda. Ungkapkan kedamaian (shalom) Tuhan dalam setiap keluarga dan berdoa bagi lawatan-Nya dalam setiap keluarga sehingga mereka mendapat pemulihan dan kedamaian dalam Kristus.

## **BANGSA:**

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Doakan Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil dan Datin Paduka Chew Mei Fun. Berdoalah agar mereka ada hikmat dan strategi yang dapat melaksanakan dengan berkesan, pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat. Untuk menegakkan keadilan dan kebenaran dalam hal ehwal negara, dengan tidak merasa takut atau pilih kasih.

**MENYAMBUT KRISTUS** untuk memerintah semua keluarga dalam negara.

## **BAHAN DOA:**

- Penyembuhan dan perdamaian dalam semua keluarga. Sikap saling mengasihi dan saling tunduk dipulihkan dalam segala peringkat perhubungan dalam keluarga.
- Bangkitlah dalam iman dan mohon kepada Tuhan untuk membebaskan keluarga daripada setiap serangan Musuh yang datang untuk mencuri, membunuh dan membinasakan unit keluarga. Tuntutlah Yoel 2:25 untuk keluarga, 'Aku akan mengganti segala kerugian kamu pada tahun-tahun ketika belalang makan hasil tanaman kamu. Akulah yang menyuruh kawanan belalang itu menyusahkan kamu.'
- Berdoalah untuk keluarga Kristian agar menjadi kuat. Ibu bapa memberi bimbingan dan nilai-nilai Tuhan kepada anak-anak mereka supaya generasi akan datang menjadi warga negara yang bertanggungjawab, yang mengasihi dan melayani Tuhan, keluarga, masyarakat dan negara, tidak kira bangsa dan agama.

## **NOTA:**

---

---

---

# Anggur Baru untuk Perkahwinan!

Perkahwinan adalah perjanjian yang suci di hadapan Tuhan dan dibentuk oleh Tuhan sendiri (Kej 2:24). Kepentingan perkahwinan ditunjukkan dalam Yohanes 2:1-11, apabila Yesus memulakan pelayanan-Nya dengan menghadiri jamuan kahwin dan melakukan mukjizat-Nya yang pertama dengan mengubah air menjadi wain. Menurut adat orang Yahudi, jamuan kahwin boleh berlangsung sampai satu minggu. Apabila wain habis pada waktu jamuan seperti itu, tuan rumah akan berasa malu. Demikian juga dalam banyak perkahwinan hari ini. Pengujian dan kesakitan dalam perkahwinan tidak pula berubah menjadi kegembiraan yang manis setelah beberapa tahun, melainkan banyak perkahwinan menjadi hambar, masam dan pahit, sementara yang lain menjadi hampa, kering dan putus asa. Apa pun keadaannya, Tuhan berpegang pada janji-Nya, dan Dia memulihkan semua perkahwinan serta perhubungan jika hati kita kembali kepada-Nya. Marilah bermula dengan membaharui perhubungan kita dengan Dia!

**Renungan: Yohanes 2:1-11.** Bagi suami isteri, adakah ‘anggur’ baru dalam perkahwinan anda atau adakah anda merasa kering kerana kemarahan dan kepahitan? Akuilah dan tinggalkan perbuatan tersebut. Bagi pihak Gereja dan negara, mohonlah dengan sangat kepada Tuhan untuk mengampunkan ketidaksetiaan dalam perhubungan kita dengan Dia, sehingga kita melakukan zina secara rohani dengan mengejar hal-hal dunia.

## TINDAKAN:

Kejutkan suami/isteri anda dengan memberi hadiah yang sederhana sebagai tanda kasih sayang. Berkatilah balu dan duda yang anda kenal di gereja anda.

## BANGSA:

Berdoalah untuk saudara kita di Yerusalem. Mazmur 122:6-9 Raja Damai memerintah atas umat-Nya di Tanah Perjanjian dan mengembalikan hati mereka kepada-Nya. Berdoalah agar berlaku perdamaian dan kematangan kasih dan hormat di kalangan mereka sendiri dan orang Arab.

**MENYAMBUT KRISTUS** ke Tanah Perjanjian... untuk menjaga dan melindungi umat-Nya!

## BAHAN DOA:

- Suami isteri menempatkan Tuhan di tengah-tengah perkahwinan mereka, memulihkan kasih pertama mereka akan Dia dan kepada satu sama lain agar sukacita dan kesegaran akan melimpah. Suami isteri saling tunduk, ada komunikasi yang terbuka dan terus terang.
- Mohon pembebasan untuk melepaskan perkahwinan daripada kehancuran, perceraian, penipuan, tekanan dan kekecewaan. Berdoalah agar pengampunan, kesembuhan dan pemulihan dialirkan dalam perhubungan suami isteri yang terputus.
- Berdoa menentang semua serangan musuh yang ingin merosakkan perkahwinan; untuk perlindungan bagi semua perkahwinan. Berdoalah bagi pastor, penatua dan pemimpin anda.
- Perlindungan bagi pemuda-pemudi kita terhadap segala perkahwinan yang diputarbelit, seperti perkahwinan sama jenis, perbuatan berkesedudukan dan perzinaan. Berdoalah agar suami isteri hidup salih dan menjadi teladan yang baik bagi generasi yang lebih muda.

## NOTA:

---

---

---

Mungkin kita bertanya, "Apakah keadaan rohani bangsa kita dan mengapa begitu banyak pergaduhan dalam keluarga, gereja dan di kalangan suku kaum dalam negara kita?" Sebabnya mudah: kita telah melanggar dua perintah – mengasihi Tuhan dan mengasihi sesama. Semua perhubungan yang terputus adalah akibat pelanggaran perintah tersebut. Jika kita ingin melihat kebangunan rohani, kerukunan, kesatuan dan ketertiban dalam negara kita, maka kita perlu menangani isu utama, iaitu "menghormati Tuhan dan menghormati satu sama lain!" Kita perlu menangani ketidaktaatan, sikap negatif dan kesombongan agar semua generasi, keluarga, gereja dan bangsa dipulihkan, serta mengembalikan peraturan Tuhan untuk mengubah bangsa ini!

**Renungan:** Mat 2:2-6, Mat 19:19, Ams 15:33. Dalam hal apakah saya tidak menghormati Tuhan, ibu bapa saya, jiran, kawan dan pihak berkuasa? Misalnya, sudahkah saya menghormati Tuhan dalam pemberian saya? Akuilah dan bertaubatlah bagi pihak gereja dan bangsa kerana tidak menghormati Nya dalam kehidupan dan sikap kita.

### TINDAKAN:

Carilah perdamaian dengan orang yang mungkin telah menyenggung perasaan anda, dan sebaliknya, lalu berkatilah mereka.

### BANGSA:

Bulan Puasa – 'Jiran kita', sementara kita memfokuskan doa untuk mereka pada bulan ini, marilah melepaskan prejedis dan kemarahan terhadap mereka. Berdoalah agar kasih memenuhi tubuh Kristus sehingga dapat menghormati jiran kita kerana mereka juga ciptaan Tuhan yang dikasihi. Hargailah bakat mereka dan berdoalah, 'Tuhan, bukalah mataku untuk memandang mereka dengan mata kasih-Mu!'

**MENYAMBUT KRISTUS** ke Sarawak... untuk memelihara negeri ini di dalam tangan-Nya!

*"Kesetiaan dan ketataan yang padu kepada hukum diraja di semua gereja Kristus boleh menjadi kuasa dalam penginilan, tenaga rohani yang bersemangat sehingga tindakan ini lebih berkesan daripada semua kebaktian kebangunan rohani yang pernah diadakan".*

D. Jackson

### BAHAN DOA:

- Sikap saling menghormati dipulihkan dalam semua perhubungan, bermula dengan perhubungan kita dengan Tuhan, ibu bapa dan anak-anak, suami dan isteri, orang tua dan orang muda, majikan dan pekerja, pemimpin gereja dan anggota, pegawai kerajaan dan orang awam.
- Kerendahan hati untuk memberi pengampunan dalam semua perhubungan yang terputus. Orang Kristian menjalani kehidupan yang menghormati Tuhan dalam semua segi – fikiran, tindakan dan perkataan – dan menjadi garam serta terang-Nya.
- Tubuh Kristus untuk menghormati Tuhan melalui harta benda mereka, agar tiada kekurangan dalam projek-projek masyarakat yang menjangkau orang yang belum mengenal Kristus, miskin dan tidak berdaya di setiap negeri.

### NOTA:

---

---

---

# Ubahlah Hati Anda!

**M**al 4:5-6. Tuhan berjanji untuk mengutus nabi Elia kepada kita dengan tujuan mengubah hati bapa terhadap anak dan anak terhadap bapa, lalu mereka bersama-sama datang kepada Tuhan. Gereja mempunyai tugas untuk mengubah hati bapa terhadap anak dan anak terhadap bapa. Bapa seharusnya mendidik anak dan cucu mereka dalam jalan Tuhan agar warisan Kristian tidak hilang dalam satu generasi. Sebaliknya, kasih Tuhan dapat diturunkan kepada satu generasi ke generasi selanjutnya. Oleh itu, marilah berdoa agar penerobosan berlaku bagi ibu bapa dan anak-anak apabila kita membawa hati mereka kembali kepada Bapa kita di syurga. Marilah bertaubat daripada kegagalan kita supaya Matahari Kebenaran akan membawa penyembuhan daripada sayap-Nya.

**Renungan: Mal 4:1-6.** Adakah anda menyimpan dendam, kemarahan, kekecewaan, keengganan untuk mengampuni atau ketidakpuasan hati terhadap orang tersayang? Akuilah semua itu kepada Tuhan, dan berilah pengampunan.

## BANGSA:

Jiran Kita – Agar Roh Kudus bekerja di dalam hati mereka dengan cara yang luar biasa, untuk membawa ramai orang kembali kepada Bapa. Berdoalah secara khusus untuk sebuah pekan, daerah, masyarakat atau negeri di mana kebanyakan kaum ‘jiran’ kita itu tinggal, agar pembaharuan rohani berlaku dalam banyak keluarga.

## BAHAN DOA:

- Mohonlah kepada Tuhan agar hati manusia benar-benar kembali kepada Bapa. Ibu bapa kembali kepada anak-anak; Pastor/Penatua kembali kepada anggota jemaah mereka. Keterbukaan, saling mempercayai dan menghormati dipulihkan dalam semua perhubungan.
- Mohonlah kepada Matahari Kebenaran untuk membawa pemulihan dan perdamaian dalam keluarga. Mazbah keluarga di pulihkan dan rumah tangga menjadi rumah api-Nya serta menjadi tempat perlindungan bagi mereka yang ada keperluan.
- Pemulihan untuk bapa agar mereka mengambil peranan sebagai ketua rumah tangga, menjadi teladan yang salih, menjaga dan mengurus keluarga mereka dengan takut dan hormat akan Tuhan.
- Mohon kepada Tuhan untuk mencurahkan hujan akhir, agar kebangunan rohani yang hebat akan berlaku di seluruh negara dan di tempat lain.

**MENYAMBUT KRISTUS** ke Wilayah....agar kebenaran dan keadilan-Nya mengalir seperti sungai!

## NOTA:

---

---

---

Pada hari ini, ibu bapa lebih terasing dan kurang terlibat dalam kehidupan anak-anak mereka berbanding generasi yang terdahulu. Ramai ibu bapa telah mengamanahkan penjagaan anak mereka kepada "ibu bapa pengganti" – nenek dan datuk, pusat penjagaan anak, penjaga anak atau lebih teruk lagi, televisyen dan permainan video yang sudah mula mempengaruhi moral dan nilai sosial anak-anak.

Tuhan sendiri telah memberikan ibu bapa – bukan guru-guru Sekolah Minggu, sekolah, pemimpin pelayanan belia atau orang lain – untuk mengasuh dan mendidik anak-anak mereka menurut ajaran Tuhan. Tiada jalan pintas untuk melaksanakan tanggungjawab ibu bapa. Ibu bapa perlu bertanggungjawab terhadap peranan yang diberikan Tuhan kepada mereka dan tidak sepatutnya melepaskan panggilan yang mulia itu.

**Renungan:** Ula 11.16-21, marilah memeriksa hati kita. Mungkinkah kita tidak menunaikan perintah ini dan telah melepaskan peranan kita untuk mendidik anak-anak menurut jalan Tuhan? Akuilah perkara ini kepada Tuhan.

### TINDAKAN:

Ibu bapa, asingkan satu hari atau beberapa masa untuk bersama-sama anak-anak anda.

### BANGSA:

Doakan gereja-gereja di Pantai Timur agar mereka mendapat ilham daripada pengharapan dalam panggilan-Nya; untuk menjadi cahaya yang bersinar di tengah-tengah kegelapan, untuk memimpin jiran-jiran kita kepada-Nya. Agar Tuhan mempersiapkan Jemaah-Nya dan membebaskannya daripada prasangka untuk mengasihi jiran kita.

**MENYAMBUT KRISTUS** di Terengganu... untuk menyatakan kemuliaan-Nya kepada semua kaum.

### BAHAN DOA:

- Bersyukurlah kepada Tuhan bagi suri rumah dan berdoa untuk kekuatan dan kasih agar mereka diperkasakan untuk melakukan beberapa peranan yang berbeza, panggilan dan tujuan Tuhan.
- Ibu bapa yang bekerja agar mereka mengalami Tuhan sekali lagi dan mengenal kehendak Tuhan yang sempurna bagi kehidupan mereka. Meskipun jadual sibuk, ibu bapa masih memberi keutamaan kepada Tuhan. Mengajarkan nilai-nilai yang baik dan keutamaan untuk mengurus setiap keluarga agar anak-anak diasuh dengan disiplin yang kuat.
- Ibu bapa mencari kehendak Tuhan bagi perancangan untuk anak-anak mereka, sambil mempersiap, membimbing dan melepaskan mereka untuk melakukan maksud Tuhan.
- Doakan tadika, pusat penjagaan anak, guru-guru Sekolah Minggu agar dapat mengajarkan dan menyampaikan nilai dan prinsip Tuhan kepada anak-anak.

### NOTA:

---

---

---

# Kutuk atau Berkat?

Abraham, bapa iman kita, mewarisi berkat daripada Tuhan. Dia juga melihat kelanjutan berkat generasi diturunkan daripada satu generasi kepada generasi seterusnya. Dalam Kej 27:33, Ishak berkata kepada Esau, "Kemudian aku memberikan berkatku yang terakhir kepadanya [Yakub], dan kini berkat itu menjadi miliknya selama-lamanya." Di dalam Kej 48-49, Yakub mengumpulkan anak-anaknya lalu memberkati mereka dan keluarga mereka. Dia juga menyampaikan nubuat tentang masa depan mereka. Kata-kata yang disertai iman amat berkuasa apabila diucapkan oleh bapa-bapa kaum dalam Perjanjian Lama ke atas anak-anak mereka.

Ibu bapa harus menghafal janji Tuhan di dalam Firman untuk memberkati anak-anak mereka dengan iman! Pada hari ini, kita perlu bertanya kepada diri kita, "Apakah kebenaran rohani daripada Firman yang saya perlu sampaikan dengan iman kepada anak-anak saya atau kepada generasi seterusnya, yang dapat mempengaruhi kehidupan dan tujuan hidup mereka?" Atau adakah kita telah mengucapkan kata-kata yang mendatangkan kebinasaan? Kita perlu menyucikan lidah kita pada hari ini!

**Renungan:** Ams 18:2, Yakobus 3:3-11, akuilah dan bertaubatlah daripada apa pun kata-kata yang membawa kematian dan kutuk, yang memperkecil-kecil atau mematahkan semangat anak-anak anda. Mohonlah kepada Tuhan untuk menyucikan dan memurnikan hati anda agar anda boleh mengucapkan kata-kata yang memberi hidup dan berkat. Hai ibu bapa, berkatilah anak-anak kamu.

## BANGSA:

Mengisytiharkan Mazmur 24 ke atas negeri anda dan menyambut Raja Kemuliaan untuk membawa pembaharuan rohani dan lawatan ilahi atas jiran-jiran kita! Mendoakan agar ramai orang masuk ke dalam Kerajaan-Nya.

## BAHAN DOA:

- Mohonlah kepada Tuhan untuk menyembuhkan semua anak dan belia yang terluka dan rosak secara emosi dan menjadi lumpuh secara rohani kerana kata-kata daripada ibu bapa, sanak saudara, pemimpin rohani, guru-guru atau orang lain. Patahkan setiap dusta dan kutuk atas kehidupan mereka.
- Agar belia dan anak-anak diteguhkan dalam kasih dan Firman Tuhan supaya mereka menemukan identiti dan keselamatan dalam Dia, serta memenuhi panggilan dan tujuan hidup mereka.
- Membangkitkan generasi yang hidup dalam nubuat daripada semua peringkat umur, mereka yang berakar teguh dalam Firman Tuhan, untuk melepaskan rhema Firman-Nya tepat pada masanya untuk membawa perubahan sehingga berlaku suatu kejayaan dan transformasi bangsa.
- Orang Kristian diberi kedudukan tinggi dalam kerajaan untuk menjadi suara nabi supaya mempengaruhi keputusan dan polisi dalam hal ehwal negera.

## NOTA:

---

---

---

**MENYAMBUT KRISTUS** ke  
Pahang....untuk mengubah  
keadaan rohani!

Kita perlu mencari Tuhan dan membuang kesombongan dan keangkuhan di dalam hati dan fikiran kita. Sama seperti Musa, kita memerlukan kerendahan hati dan kesatuan kumpulan yang kuat agar ‘raksasa’ dalam negara kita dikalahkan. Di dalam Kel 17:8-16, kita melihat semua generasi saling bergantung untuk menang dalam perperangan. Musa boleh saja mengangkat tangannya seperti seorang pahlawan, tetapi jika Yosua dan tenteranya tidak datang, maka kemenangan pun tidak dicapai. Pada masa yang genting itu, kita sangat perlu untuk bekerjasama, bukan dengan sendirian tetapi saling bergantung dengan satu sama lain, dan dengan semua generasi demi kerajaan-Nya, lalu mengubah serta mentransformasi setiap segi demi kemuliaan-Nya!

**Renungan: Yohanes 15:5, Keluaran 17:8-16.** Adakah anda menghadapi masalah untuk bekerjasama dengan orang lain atau tunduk kepada pihak atasan atau pemimpin yang lebih muda di tempat kerja/pelayanan atau gereja? Hendaklah anda jujur dan akui lah kesombongan, iri hati, cemburu, pergaduhan...

#### TINDAKAN:

Panggilah seorang kawan dari gereja lain dan berdoa untuk negara kita agar ada kesatuan dan saling bergantung atas kurnia dan sumber orang lain.

#### BANGSA:

Raja kita, Sultan-Sultan dan pihak berkuasa- agar mereka takut akan Tuhan; kebijaksanaan untuk memerintah bangsa dan negara. Setiap keputusan yang diambil dapat benar-benar mencerminkan 1Malaysia, agar mereka tidak berat sebelah dan memihak pada suatu kaum sahaja, melainkan mengakui kekuatan dan kebolehan dalam setiap kaum, sambil mempromosi sikap saling bergantung di kalangan semua kaum untuk membina negara.

**MENYAMBUT KRISTUS** ke Penang... agar Nama-Nya dihormati!

#### BAHAN DOA:

- Bagi pihak tubuh Kristus, akui lah dan buang lah kesombongan, kepentingan diri sendiri dan mohonlah Dia untuk memberi kita kerendahan hati serta kasih untuk bekerjasama dengan orang lain. Berdoalah agar fikiran dan hati kita dibaharu, sehingga boleh mengasihi setiap generasi serta menghargai kekuatan dan kurnia mereka.
- Para pastor dan pemimpin untuk mengenalpasti kekuatan dan kurnia anggota mereka; untuk mendorong, mengesahkan, melengkapi serta memperkasakan mereka untuk melayani dan memberi mereka tugas sesuai dengan kurnia dan panggilan mereka.
- Gereja – kesatuan dan kerjasama yang kuat di kalangan semua peringkat umur dalam pelayanan untuk pengembangan pekerjaan-Nya di dalam dan di luar gereja, dan mempengaruhi masyarakat dan bangsa.
- Ucapkan berkat kesatuan dan berdoalah untuk semua organisasi antara gereja, NGO Kristian, rangkaian pelayanan agar saling berhubungan, menghormati serta melayani dengan sikap saling bergantung, untuk kebaikan bersama dalam pembinaan negara dan ke arah transformasi kebangsaan.

#### NOTA:

---

---

---



# Gembala Rohani

**HARI 9**  
16 Ogos,  
Ismail

Jika gembala dipukul, domba akan tercerai-berai. Musuh mengetahui siapa yang perlu dipukul. Para pastor, penatua dan pemimpin gereja sering menjadi sasaran utama bagi musuh yang menyerang. Para pemimpin rohani bukan makhluk luar biasa. Mereka mempunyai keperluan, keterbatasan dan kelemahan. Tambahan lagi, pelayanan kini menjadi semakin rumit dan mencabar. Mereka memerlukan pengesahan, bantuan, sokongan dan dorongan daripada jemaah supaya menjadi hamba Tuhan yang berkesan. Kejayaan mereka akan menghasilkan kejayaan dalam jemaah dan Gereja! Hai orang percaya, marilah bangkit dan bertekad untuk berdoa setiap hari bagi para pemimpin rohani kita supaya membawa suatu perbezaan.

**Renungan:** **Markus 14:27, Ibrani 13:17.** Oleh sebab pemimpin menjadi sasaran utama musuh, berapakah kekerapan anda mendoakan pastor, penatua atau pemimpin anda? Adakah anda berdendam, marah atau kecewa dengan pemimpin rohani anda? Ambillah masa ini untuk mengaku kelalaian tersebut di hadapan Tuhan dan mohon kepada-Nya untuk menyucikan dan menyembuhkan setiap rasa tersinggung dan luka hati.

## TINDAKAN:

Bertekad untuk mendoakan pemimpin rohani anda sekerap mungkin, lebih baik setiap hari.

## BANGSA:

Pemimpin agama jiran kita; agar Bapa kita memancarkan terang-Nya yang kekal untuk menyinari hati mereka dengan Kebenaran. Berdoa agar terjadi pertemuan yang membawa perubahan apabila Tuhan kita menyatakan diri kepada mereka.

## BAHAN DOA:

- Bersyukur kepada Tuhan bagi para pastor, penatua, pemimpin rohani atas pengorbanan mereka untuk mentaati panggilan Tuhan dalam kehidupan. Pembaharuan semangat dan keintiman mereka dengan Tuhan. Peneguhan perhubungan mereka dengan isteri-suami serta anak-anak.
- Akuilah dan bertaubatlah daripada perpecahan dalam gereja; akui dan lepaskan segala perselisihan, perbezaan pendapat, perpecahan, fitnah, rungutan, cemburu, umpatan, kesombongan dan pemberontakan. Mohon penyembuhan, pemulihan dan perdamaian bagi setiap perhubungan yang terputus. Mohonlah supaya kesatuan, kasih dan pengampunan akan menonjol dalam setiap gereja tempatan.
- Sokongan & perhubungan kuat antara gembala dan domba.
- Bersyukur kepada Tuhan atas kesatuan di kalangan semua denominasi gereja agar mereka terus berganding bahu sebagai SATU kumpulan yang kuat dan suara bagi bangsa. Berkati semua ketua rohani setiap denominasi gereja agar mendapat hikmat dan urapan yang lebih untuk mempersiap dan memperkasakan gereja untuk perkara yang akan datang.
  - Satu hati dan mempunyai wawasan serta tujuan yang satu untuk membangun kerajaan Tuhan.
  - Rangkaian gereja yang kuat dalam usaha bersama untuk berkongsi sumber dan tenaga dalam projek masyarakat bagi penjangkauan jiwa yang belum mengenal Kristus.

## NOTA:

---



---



---

**MENYAMBUT KRISTUS** ke Kelantan.... agar kemuliaan-Nya dinyatakan!

Kita tidak pernah mengalami gerakan belia yang bangkit dalam doa, dan menjangkau dengan belas kasihan untuk kebaikan bangsa, seperti yang berlaku sekarang. Ini baru permulaan; kita belum melihat perkara yang lebih besar yang akan berlaku nanti. Apabila kita masuk ke dalam masa yang genting ini, semoga Roh-Nya menguatkan lagi gerakan panggilan-Nya kepada generasi muda sehingga mereka mempunyai kehidupan dan gaya hidup yang suci serta berdasarkan Firman-Nya, dan memberikan pengabdian dengan sepenuh hati supaya mereka menjadi lengkap dalam Dia.

Sebagai jemaah, kita perlu melengkapi, memperkasakan dan mengutus generasi ini untuk memiliki, bersama dengan ibu bapa mereka, semangat untuk mengasihi Yesus dan mengejar pemerksaan yang luar biasa daripada Roh Kudus untuk memenuhi maksud-Nya. Janganlah kita menjadi penghalang bagi mereka. Marilah melepaskan mereka untuk Tuhan!

**Renungan: Efesus 3:16-20.** Berapakah dalamnya iman anda kepada Kristus? Adakah anda menghadapi masalah berkomunikasi dengan kaum belia/dewasa muda? Gunakan ayat-ayat Alkitab untuk mendoakan kaum belia dan diri anda sendiri.

#### TINDAKAN:

Lihatlah surat khabar hari ini dan berdoalah untuk menentang hal-hal yang dihadapi oleh kaum belia kita, agar mereka dibebaskan.

#### BANGSA:

Mohon kepada Tuhan untuk membangkitkan para pemimpin dalam kalangan pelajar Kristian di sekolah, kolej, universiti... ada beban menjangkau jiran-jiran kita dengan keberanian dan iman untuk melihat mereka mendapat hidup yang baru dalam Kristus.

#### BAHAN DOA:

- Pencurahan kasih dan kuasa-Nya ke atas generasi ini agar mereka mengasingkan diri untuk-Nya dan melakukan yang terbaik bagi-Nya. Kelaparan yang lebih sungguh untuk mengenal Tuhan melalui Firman-Nya. Agar ramai pelajar sekolah menengah mengambil mata pelajaran Pengetahuan Alkitab di sekolah.
- Mematahkan semua serangan musuh dan kebiasaan yang cuba merosakkan serta memperhamba generasi ini. Merokok, ketagihan dadah, pornografi, homoseksual, kebendaan, permainan siber, gengster... dsb
- Teladan yang menurut kehendak Tuhan, yang akan memimpin, membimbing dan mementori mereka. Doakan para pastor belia dan para pekerja yang melayani di kalangan mereka.
- Gerakan pelajar yang kuat di kalangan belia Kristian. Membangkitkan kumpulan saksi yang memberitakan tentang Kristus di sekolah, kolej, sekolah vokasional dan universiti. Menubuhkan persekutuan Kristian yang kuat dan kumpulan pendoa.

#### NOTA:

---

---

---

**MENYAMBUT KRISTUS** ke Johor.... agar kebaikan dan kuasa-Nya dinyatakan.

# Matlamat yang Didorong oleh Kerajaan Tuhan

HARI 11  
18 Ogos,  
Rabu

Bapa kita menginginkan hati dan fikiran orang dewasa yang masih muda. Generasi ini mempunyai potensi dan sumber yang banyak. Namun, mereka merupakan golongan yang kebanyakannya tidak dipakai kerana mereka sibuk dengan kerjaya atau mendapati gereja tidak sesuai bagi mereka. Apabila mereka ditangkap dan tertarik, mereka akan menjadi pengubah dunia, sambil memenuhi tujuan Tuhan bagi hidup dan panggilan peribadi mereka untuk matlamat Kerajaan-Nya. Daniel 11.32b akan ditepati apabila kita mengenal Tuhan dengan akrab dan digerakkan oleh keinginan yang didorong oleh Tuhan! Semoga ketaatan dan keutamaan generasi ini sesuai dengan kehendak Tuhan. Apabila kita terus menempatkan Dia di dalam hati kita, kita akan berjalan sebagai generasi yang membawa perbezaan untuk menjalankan maksud Kerajaan-Nya.

**Renungan:** Kol 3.1-2, Yoh 4.34. Yesus datang dengan misi untuk melakukan kehendak Bapa-Nya. Apakah misi dan maksud anda dalam kehidupan? Berserahlah kepada Tuhan dan mohon Dia untuk memberi kita kelaparan untuk mengenal-Nya dengan intim. Akui dan tinggalkan hal-hal lain yang menarik hati kita sehingga ketaatan dan keutamaan kita bukan Tuhan lagi. Terimalah anugerah dan kekuatan-Nya untuk mengatur semula kehidupan anda. Carilah nasihat dan sokongan daripada penatua anda.

## TINDAKAN:

Pandu kereta/berjalan keliling kedai, pejabat, jabatan kerajaan dan berdoa bagi orang Kristian agar disedarkan terhadap peranan dan panggilan mereka untuk melaksanakan tujuan-Nya. Kelompok doa dibentuk di mana-mana untuk mendoakan jiran kita.

## BAHAN DOA:

- Orang percaya akan dibangkitkan untuk melihat pengharapan, panggilan dan tujuan mereka. Dibebaskan daripada ketiadaan arah tuju dan tujuan dalam hidup.
- Gereja dapat memulakan pelayanan yang sesuai dan kreatif, agar kurnia-kurnia rohani ditemukan dan dikembangkan untuk melayani jemaah, orang bukan Kristian di tempat kerja, dan masyarakat.
- Bapa dan ibu rohani untuk bangkit di gereja-gereja, dan menjadi teladan yang menyerupai Kristus bagi orang dewasa yang masih muda dalam kehidupan keluarga, pekerjaan dan pelayanan kepada Tuhan. Mereka akan tunduk kepada Tuhan dalam hal pasangan hidup dan menghormati Dia dengan kemurnian dan kesetiaan mereka.
- Orang dewasa yang masih muda daripada semua suku kaum akan menyalurkan kerinduan dan semangat secara wajar, agar Tuhan memakai mereka untuk menjadi kumpulan yang perkasa sehingga melahirkan kumpulan doa untuk mengimpak semua yang berpengaruh ke arah transformasi bangsa!

## NOTA:

---

---

---

**MENYAMBUT KRISTUS** ke Selangor.... agar Pemerintahan-Nya datang.

# Pengabdian yang tidak berbelah bagi

**A**pabila perbezaan bilangan antara lelaki dan perempuan semakin besar, ramai wanita pertengahan umur pada masa ini mendapati diri mereka tiada pasangan hidup yang sesuai. Keadaan ini bertambah buruk apabila perempuan bujang lebih ramai daripada bujang lelaki di gereja-gereja tempatan. Bahaya yang timbul daripada keadaan ini adalah keinginan berkahwin dengan orang yang tidak seiman. Selain ini, ada lagi tekanan daripada ibu bapa dan masyarakat untuk berkahwin. Adakah menjadi bujang suatu keaiban sosial? Atau mungkin ada yang bertanya, "Adakah kita memerlukan pasangan hidup untuk mendapat kepuasan dalam hidup?" Marilah kita ingat bahawa kepuasan hati yang sebenar datangnya daripada Tuhan, bukan daripada perkahwinan. Oleh itu, marilah kita mendorong golongan bujang di kalangan kita. Pada pandangan Tuhan, semua orang berharga dan tiada satu golongan pun yang lebih penting daripada yang lain; apa pun kedudukan sosial atau status kita, kita semua sama di hadapan Tuhan. Oleh itu, marilah berdiri bersama-sama sebagai SATU tubuh. Kemudian, apabila Tuhan melihat ke bawah, "Tidak lama lagi mereka akan sanggup melakukan apa sahaja yang dikehendaki mereka" Kej 11:6.

**Renungan: 1 Kor 32-35.** Sama ada anda berkahwin atau bujang, adakah anda mempunyai kepuasan dalam hidup? Adakah harapan palsu atau ketakutan untuk membuat komitmen? Berserahlah dan tunduklah kepada Tuhan.

## BANGSA:

Berdoa untuk pembebasan kaum wanita daripada semua bentuk penindasan secara agama, prasangka dan ketidakadilan sosial. Agar Tuhan bergerak dengan perkasa di kalangan mereka, dan mereka mendapat kehidupan baru serta erti hidup dalam Yesus.

## BAHAN DOA:

- Orang bujang akan mendapatkan kepuasan hati dan erti hidup yang sejati dalam Tuhan. Hidup mereka yang berseraf dan memberi pengabdian penuh kepada-Nya.
- Menebus masa, sumber dan kurnia mereka untuk melayani Dia. Tuhan membangkitkan pemimpin teladan di kalangan mereka untuk memuridkan, menjadi mentor dan membimbing generasi yang lebih muda.
- Orang yang hidup sendiri kerana bercerai atau kematian isteri-suami. Berdoa agar mereka mendapat pengharapan dalam Dia dengan semangat yang dibaharui untuk melayani Dia.
- Pekerja dan pelayan Tuhan bangkit di kalangan orang yang bekerja, untuk membawa mesej pengharapan kepada kaum yang belum dijangkau dengan Berita Baik Yesus di kalangan bangsa-bangsa.

## NOTA:

---

---

---

**MENYAMBUT KRISTUS** ke  
Perlis.... untuk ditinggikan di atas  
semua yang lain!

# Warga Emas Kita!

HARI 13  
20 Ogos,  
Jumaat

Ramai orang tua di gereja tidak mengambil peranan aktif di dalam gereja kerana usia mereka dan dengan adanya golongan yang lebih muda dan kuat. Ramai yang merasa bahawa orang lain boleh melakukan tugas dengan lebih baik dan mereka membiarkan diri tidak kelihatan di belakang. Patutkah golongan tua kita bersara dan memendamkan diri di Gereja? Adakah masa mereka sudah berakhir? Tidak! Gereja tidak sepatutnya membiarkan orang tua dilupakan. Sebaliknya, mereka merupakan harta dan mereka mempunyai peranan. Dengan pengalaman hidup yang kaya, mereka boleh menyampaikan himpunan hikmat kepada generasi yang lebih muda. Mereka mempunyai banyak masa untuk menjadi penasihat, pembimbing dan mentor bagi mereka yang lebih muda. Jangan kita lupa bahawa Tuhan memanggil Abraham dan Musa ketika mereka sudah tua untuk mengubah sejarah dan arah tuju bangsa. Mahkota tidak lengkap tanpa batu-batu permata ini. Marilah kita mengakui mereka dan berdiri bersama serta menyerukan tujuan-Nya bagi Warga Emas kita!

**Renungan: Kej 12.1-5.** Bagaimana anda bertindak balas kepada Firman atau janji-Nya? Adakah anda ragu, malas atau enggan untuk mentaati Firman-Nya dan mengizinkan naluri anda untuk menentukan keputusan serta membenarkan tindakan anda? Marilah kita melepaskan dan bertaubat daripada ketidakpercayaan, pemberanakan diri dan ketidaktaatan.

## BANGSA:

Berdoa bagi pencurahan Roh Kudus atas jiran-jiran kita, ketua masyarakat mereka, ketua puak, ketua keluarga dengan disertai mimpi dan penglihatan, sehingga ramai orang akan masuk ke dalam Kerajaan-Nya.

## BAHAN DOA:

- Bersyukur kepada Tuhan atas semua orang tua di dalam gereja kita. Berkati mereka dengan kurnia rohani dan berdoa agar Tuhan akan memakai mereka dengan perkasa sebagai agen perubahan daripada-Nya; agar mereka dapat mempengaruhi generasi yang lebih muda dengan cara yang diperkenan oleh Tuhan.
- Melepaskan golongan tua daripada melihat ke belakang dan bersandar pada kegemilangan mereka yang lalu, tetapi sebaliknya melihat ke depan untuk menanti akan Tuhan untuk memberikan cara baru dan pengertian akan kecenderungan semasa untuk menjambatani dan mengikat tali perhubungan yang lebih kuat dengan semua generasi supaya mereka tetap sesuai untuk mengimpak mereka.
- Golongan tua akan menemukan tempat dan peranan mereka di setiap gereja tempatan untuk melayani. Mintalah kepada Tuhan untuk membangkitkan golongan tua yang akan bangkit untuk menjadi penyebar Berita Baik di kedai kopi, pasar, kedai, gerai, taman... dsb.
- Kaki tangan kerajaan yang sudah bersara akan memakai kurnia dan bakat mereka untuk menyumbang kepada masyarakat dan pembinaan negara.

## NOTA:

---

---

---

**MENYAMBUT KRISTUS ke**  
Melaka... untuk mendapat kejayaan  
di pintu purba ini!

**D**i dalam Kej 22:17-18, janji kemenangan telah diberi kepada Abraham dan keturunannya. Kita jemaah-Nya adalah keturunan rohani Abraham untuk mendapatkan kemenangan dalam Kristus dan mengalahkan musuh. Janji dan berkat ini adalah dalam tangan kita dan Dia mempercepatkan masa untuk pemulihan serta membawa keluarga daripada semua generasi agar bersatu dan berdiri bersama sebagai satu pasukan tentera dalam perang yang akan datang! Pintu neraka tidak akan menang di atas Gereja-Nya apabila semua generasi bangkit dengan satu hati, bangkit bersama dan menduduki semua pintu utama yang membawa transformasi! Tentera Tuhan, bangkitlah dan ikutlah Panglima kita!

Umumkan dan teguhkan Firman di dalam **Kej 22:17-18** dengan suara kuat. Adakah anda teragak-agak mempercayai janji Tuhan? Buanglah setiap keraguan dan ketidakpercayaan, dan mohon kepada Tuhan supaya berani bertindak dengan iman.

## BANGSA:

Berdoa agar ada pintu terbuka bagi orang Kristian yang kuat muncul di kalangan jiran kita, agar orang Kristian ditempatkan di kedudukan tinggi untuk mempengaruhi pembuat keputusan, agar keputusan diambil sesuai dengan prinsip Alkitab dan nilai-nilai yang mengimpak masyarakat.

## BAHAN DOA:

- Berdoa agar ada pemulihan dan perdamaian dalam keluarga; ibu bapa berdoa bersama dengan anak-anak.
  - Memulihkan doa bersama untuk keluarga.
  - Peningkatan bilangan kaum belia dan anak-anak yang menghadiri persekutuan doa gereja bersama dengan ibu bapa mereka.
- Membangkitkan Kelompok Doa yang berkuasa, supaya ditubuhkan di setiap peringkat berkuasa untuk menduduki semua bidang yang berpengaruh.
- Memanggil tentera Tuhan yang tidak dapat dikalahkan, yang sedang dipersiapkan oleh Tuhan untuk diri-Nya pada akhir zaman (Yobel 2:10-11), yang terdiri daripada semua generasi yang bersatu, sehingga menakluki setiap kawasan lalu membawanya ke bawah kuasa ketuhanan Yesus Kristus.
- Agar Tuhan atas Tuaihan membangkitkan para pekerja di kalangan orang dewasa, kaum belia dan kanak-kanak untuk menjangkau orang yang belum mengenal Kristus, serta mengajar dan memuridkan generasi mereka.

**MENYAMBUT KRISTUS** ke Putrajaya... untuk mengambil tempat yang tertinggi.

## NOTA:

---

---

---

# Satu-satunya Jalan!

Bukan kebetulan kita berada di negara yang cantik ini, melainkan oleh ketetapan Tuhan. Kita menjadi sebahagian daripada rancangan-Nya yang mulia untuk membawa penyebusan kepada semua kumpulan orang di dalam negara. Tujuan hidup bagi 28 juta orang yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum bergantung pada kita! Sejak permulaan masa, musuh telah merampas, mencuri, memutarbelitkan dan membuatkan hati dan fikiran suku-suku untuk menyembah Dia, sehingga mereka jauh daripada Tuhan yang memberi hidup. Kita berada di sini untuk suatu MISI dan VISI bagi bangsa. Hanya Satu Jalan, Satu Pengharapan, Satu Iman, Satu Kehidupan – semuanya ditemukan hanya dalam Yesus Kristus. Pengharapan terletak pada Gereja untuk mengambil kunci yang boleh mengubah sejarah dan arah tuju bangsa ini, untuk menebus seluruh manusia bagi-Nya. Adakah hidup anda menjadi saksi yang membawa orang supaya beriman kepada-Nya? Atau adakah anda melihat betapa besarnya tugas itu dan anda mengundurkan diri?

**Renungan:** **2 Ptr 3:9, Kol 1:10, 13, 14, 20-27.** Apakah tujuan dan misi anda dalam kehidupan? Serahkan hal ini kepada Tuhan dan akuilah kegagalan kita untuk menjadi saksi-Nya dalam kelakuan, sikap dan gaya hidup.

## **BANGSA:**

Langit Terbuka bagi jiran-jiran kita. Lawatan Tuhan yang luar biasa untuk membawa pembaharuan rohani dan penyataan Anak-Nya melalui mimpi dan penglihatan di tempat ibadah dan rumah-rumah. Agar Tuhan melepaskan kurnia-kurnia yang berkuasa untuk dipakai oleh orang Kristian biasa, sehingga berlaku penyembuhan, pelepasan dan pertaubatan yang hebat.

## **BAHAN DOA:**

- Dalam pertaubatan bagi pihak bangsa dan suku, mohonlah kepada Tuhan akan pengampunan bagi penyembahan berhalu agar Dia membebaskan semua suku daripada kebutaan rohani dan mematahkan setiap perjanjian serta ketaatan kepada dewa zaman ini.
- Perintahlah supaya syurga terbuka dan Roh Tuhan dicurahkan kepada semua suku untuk membawa pembaharuan rohani dan kebangunan rohani yang luar biasa.
- Agar Tuhan menyediakan Jemaah-Nya; tubuh Kristus yang merangkumi semua generasi untuk dilengkapkan dan diperkasakan untuk mengajar, mendisiplin serta menjadi mentor bagi orang yang baru percaya. Untuk kerinduan yang mendalam serta belas kasihan bagi orang yang belum mengenal Kristus.
- Agar gereja-gereja akan berkobar-kobar dengan hati misi untuk merintis gereja di tempat orang yang belum mendengar pemberitaan Berita Baik, sama ada di negara sendiri maupun di luar negara.

## **NOTA:**

---

---

---

**MENYAMBUT KRISTUS ke**  
Sabah.... untuk tiupan angin yang  
segar daripada Roh-Nya!

Ramai guru telah menjadi pengaruh besar kepada banyak rakyat yang berjaya di dalam negara. Dalam perhimpunan perdana Organisasi Sekolah Misi yang diadakan tahun lepas, Perdana Menteri Dato' Seri Najib memberi penghormatan kepada guru-gurunya semasa dia belajar di Institut St. John. Kita pun mungkin mempunyai cerita kita sendiri tentang guru-guru kegemaran kita dan bagaimana mereka telah memainkan peranan yang berpengaruh dalam kehidupan kita. Guru sepatutnya menjadi model teladan dan warga contoh. Mereka boleh menjayakan atau menggagalkan masa depan pelajar dan dengan pengorbanan mereka, mereka menyumbang kepada kemoralan rakyat. Jika kerjaya ini sangat penting, mengapakah guru Kristian semakin kurang pada masa ini? Perhatikan statistik berikut berdasarkan tinjauan 2005 yang dijalankan oleh Persekutuan Guru-Guru Kristian:

- Terdapat kira-kira 836 orang guru Kristian daripada berbagai-bagi kumpulan umur. Daripada angka ini, 5% adalah di bawah umur 30.
- Jumlah yang terbesar adalah kira-kira 42%. Mereka berumur di antara 50-59 tahun. Hal ini bererti dalam dua tahun, apabila guru-guru ini bersara atau menamatkan perkhidmatan, guru-guru Kristian tinggal sedikit sahaja!

Angka ini mencemaskan dan kesannya jelas. Dengan kadar ini, kecuali lebih ramai pelajar Kristian mendaftar sebagai guru dalam sistem sekolah kebangsaan, kita tidak mempunyai guru-guru Kristian dalam tempoh 10 tahun akan datang. Bolehkah kita, masyarakat Kristian, membiarkan keadaan begini?

**Renungan: Ams 22:6.** Bersyukur kepada Tuhan bagi guru-guru. Mohonlah dengan sungguh kepada Tuhan untuk menggerakkan generasi muda untuk menyambut kerjaya sebagai guru. Mohon agar hati ibu bapa terbuka bagi anak-anak mereka untuk berkhidmat sebagai guru.

## BANGSA:

Menteri Pendidikan, juga sebagai Timbalan Perdana Menteri kita, Tan Sri Muhyiddin Yassin; pembuat polisi, penulis kurikulum, pelatih guru, pegawai pendidikan (daerah, negeri dan persekutuan), pengetua, guru, kaunselor, guru disiplin, lembaga sekolah, komiti PIBG, dsb. BERDOA bagi hikmat, nasihat, pengetahuan dan pengertian untuk mengambil langkah progresif untuk meningkatkan sistem pendidikan semua bangsa.

**MENYAMBUT KRISTUS**ke Negeri Sembilan... untuk menyatakan hadirat dan kemuliaan-Nya!

## BAHAN DOA:

- Berdoa bagi guru dan pelajar Kristian agar mata mereka terbuka terhadap peranan dan panggilan mereka sebagai saksi Tuhan di tengah-tengah kegelapan. Agar kegerakan Tuhan yang besar berlaku di sekolah dan kampus kita. Agar orang Kristian menjadi agen Tuhan untuk membawa perubahan secara rohani dan moral.
- Agar lebih ramai pengetua sekolah yang beragama Kristian bangkit kepada kedudukan yang membawa transformasi di sekolah-sekolah. Berdoa bagi Persekutuan Kristian yang kuat untuk ditubuhkan di setiap sekolah.
- Hikmat bagi Menteri Belia dan Sukan untuk memelopori program kerajaan bagi generasi muda yang menanamkan nilai-nilai salih dan membangkitkan pemimpin yang salih serta generasi yang produktif.

## NOTA:

---

---

---

# Kekayaan Dalam Negara!

Tuhan telah menentukan pemilikan kekayaan melalui perdagangan. Kekayaan seharusnya diperoleh melalui urusan yang jujur dan dikongsi dengan orang miskin. Kitaran menerima, menjana kekayaan dan memberi kepada orang miskin merupakan gambaran yang baik tentang bekalan dan penjagaan Tuhan untuk orang miskin. Biarlah umat Tuhan dalam setiap bidang perdagangan mengerti kebenaran ini agar melalui kerjaya, kita akan menyatakan Tuhan kita sebagai Tuhan keadilan, kebenaran, kejujuran dan ketelusan. Dengan itu, orang bukan Kristian pun kagum seperti Ratu Syeba terhadap Salomo di dalam 2 Taw 9:2-4, lalu memberikan kemuliaan kepada Tuhan!

**Renungan: UI 8:17-18, Mat 6.33.** Mohon kepada Tuhan untuk membuka mata kita untuk melihat Tuhan sebagai pembekal yang maha kaya, agar melalui penglibatan kita dalam perdagangan, mereka akan melihat kita sebagai wakil-Nya dalam keadilan, kebenaran, kejujuran dan ketelusan. Mohon kepada Tuhan untuk menyatakan bagaimana anda telah gagal dalam hal menyatakan pegangan hidup yang diperkenan oleh Tuhan, termasuklah keadilan, kebenaran dan kejujuran. Akuilah Dia dan berdoalah agar Dia akan menguatkan anda.

## BANGSA:

Umumkan Ketuhanan Yesus Kristus atas ekonomi dan keadaan kewangan negara. Doakan PM kita. Terus berdoa bagi pengurusan yang kuat di Bank Negara dan Kementerian Kewangan, agar ada hikmat untuk melaksanakan perancangan dan strategi dengan kejujuran.

## BAHAN DOA:

- Lepaskan serta bertaubat daripada dosa ketamakan, kebendaan, kesombongan dan sikap tidak bersyukur atas berkat kewangan daripada Tuhan untuk negara kita.
- Orang Kristian dalam bidang kewangan agar menjadi berkat, dan mereka menunjukkan prinsip Tuhan untuk memberkati orang lain secara kewangan, menunjukkan belas kasihan dan membantu orang yang tertekan kerana kewangan.
- Pendedahan dan pembetulan pengurusan bagi semua perkara yang tidak betul dalam bidang perdagangan, undang-undang, penggubalan polisi, amalan kepimpinan dan tindakan pekerja. Undang-undang dan polisi yang menguasai perdadangan untuk dikaji semula supaya dapat menangani amalan yang tidak adil.
- Pihak perdagangan untuk memberi sumbangan kepada orang yang kekurangan, baik di dalam maupun di luar negara, supaya menjadi budaya syarikat. Ams 19:17 mengesahkan bahawa berbelas kasihan kepada orang miskin sama juga dengan memberi pinjaman kepada Tuhan. Inilah peluang yang amat baik!

## NOTA:

---

---

---

**MENYAMBUT KRISTUS** ke Kedah.... untuk setiap berkat rohani!

# Panggilan ke arah Keadilan Sosial

Pada masa pelancaran Program Transformasi Kerajaan pada 18 Disember 2009 di Pusat Konvensyen Sunway, Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri Dato' Idris Jala berkata bahawa terdapat kira-kira 44,000 keluarga yang dikategorikan sebagai miskin tegar di bawah kadar kemiskinan. Menurut tinjauan pertengahan penggal Rancangan Malaysia ke-9, keluarga miskin dikelaskan sebagai yang berpendapatan kurang daripada RM720.00 di Semenanjung dan RM960.00 di Sabah dan RM380.00 di Sarawak. Ada golongan yang mencadangkan bahawa 10% daripada penduduk hanya mempunyai 1.7% keseluruhan pendapatan berbanding dengan 10% yang terkaya dan mempunyai 38.4% daripada pendapatan.

Statistik yang sederhana ini menunjukkan perbezaan yang amat besar dalam hal pendapatan dan sumber di antara orang kaya dan orang miskin. Ketidakadilan sosial ini adalah kegagalan dalam agenda Kejaraan untuk menghapuskan kemiskinan. Kerajaan telah mengakui kelemahan National Key Result Area (NKRA). Kita memerlukan penglibatan yang lebih daripada gereja-gereja, terutamanya daripada generasi yang lebih muda. Tetapi adakah kaum belia kita bersedia untuk memikul tanggungjawab terhadap keadilan sosial bagi pihak golongan miskin atau adakah mereka terlalu "muda" untuk diganggu dengan kenyataan seperti itu? Orang Kristian, tidak kira berapa umur, harus diperingatkan bahawa mereka dipanggil untuk menjadi garam dan terang bagi bangsa. Sebagai cahaya bagi bangsa, kita mempunyai tanggungjawab untuk memikul perkara ini bagi pihak mereka yang telah diketepikan dan tidak diperhati.

**Renungan: Mikha 6:8, Yes 1:17.** Apakah yang dinyatakan oleh Tuhan di dalam hati anda berkaitan dengan Firman Tuhan? Buanglah sikap acuh tak acuh dan tidak peduli terhadap orang miskin dan yang diketepikan. Mohon kepada Tuhan untuk memenuhi kita dengan kasih dan belas kasihan.

## BANGSA:

Penyakit sosial yang kadarnya tinggi di kalangan jiran kita dan pendatang. Berdoa agar ada lawatan Tuhan yang berkuasa di setiap kampung/kawasan setinggan di mana keganasan, penagihan dadah dan gejala lain kerap berlaku. Berdoa agar ada pertemuan yang luar biasa dengan Kristus.

## BAHAN DOA:

- Penerobosan di kalangan generasi yang lebih muda agar lebih prihatin terhadap kenyataan ini dan digerakkan untuk menunjukkan belas kasihan serta kasih ketika berurusan dengan orang miskin dan golongan yang diketepikan.
- Tubuh Kristus bermurah hati untuk melepaskan kekayaan supaya diagihkan semula oleh Tuhan untuk memajukan Kerajaan-Nya di kalangan orang yang amat kekurangan secara rohani dan kebendaan.
- Perkhidmatan masyarakat yang berkesan yang dikendalikan oleh gereja tempatan untuk memberikan impak atas masyarakat miskin. Tuhan atas tuaian mengutus pekerja ke tempat ini untuk melayani dengan berkesan dan mematahkan halangan serta membebaskan orang daripada belenggu.
- Kerajaan melaksanakan projek dan polisi dengan berkesan dan menghapuskan kemiskinan. Hikmat dalam penguatkuasaan undang-undang untuk memerangi pelbagai masalah sosial di negara seperti dadah, penderaan anak, rogol, pelacuran, keganasan, kegiatan gengster, perjudian, dsb. Mendedahkan dan menghapuskan rasuah dalam setiap badan pentadbiran.

## NOTA:

---

---

---

**MENYAMBUT KRISTUS** ke Perak.... untuk menyatakan kemuliaan, kuasa, keadilan dan kebenaran-Nya!

# Undang-undang Sosial & Keadilan

Pihak berkuasa Islam telah mengeluarkan perintah yang melarang gadis-gadis daripada berkelakuan ala lelaki dan melarang orang Muslim daripada mengamalkan yoga, walaupun tidak dikuatkuasakan. Awal tahun ini, seorang perempuan Muslim dihukum sebat kerana meminum alkohol.

Baru-baru ini, kritikan terhadap pihak penguasa Islam yang keterlaluan dalam menghapus kelakuan yang tidak senonoh telah dikemukakan oleh kalangan profesional muda, dan kebanyakannya mereka adalah Muslim. Kumpulan profesional tersebut telah berusaha untuk menunjukkan bahawa amalan seperti itu telah merosakkan nama Malaysia sebagai negara majoriti Muslim yang maju dan sederhana.

Kita bersyukur kepada Tuhan atas kebangkitan kumpulan profesional dan forum seperti itu untuk mengetengahkan keadilan dan kebaikan bersama. Marilah berdoa agar lebih ramai kumpulan seumpama itu akan bersuara secara objektif dan wajar untuk menentang segala bentuk ketidakadilan dan kesalahan dalam negara ini.

**Renungan: Yes 40:3-5.** Bersyukur kepada Tuhan yang masih mengerjakan maksud-Nya dalam negara ini dengan menggunakan pelbagai suku. Adakah prasangka/pendirian bahawa Tuhan hanya menggunakan gereja-Nya? Mohon Tuhan untuk membuka hati dan fikiran kita untuk negara dan orang yang akan dipakai-Nya.

## BANGSA:

Berdoa menentang setiap pelampau agama yang cuba merampas kuasa dan pengaruh orang dalam pemerintah. Berdoa agar mahkamah Syariah menghormati, menyokong dan mengakui tanggungjawab menurut perlembagaan dan kehakiman mahkamah sivil dan mematuhi keputusan mereka tanpa campur tangan.

## BAHAN DOA:

- Bersyukur kepada Tuhan kerana membangkitkan beberapa kumpulan Muslim yang prihatin terhadap keadilan dan kebenaran untuk setiap orang.
- Berdoa bagi Tubuh Kristus agar berfikiran terbuka untuk berunding dengan golongan sederhana dalam mencari kebaikan bersama untuk negara kita, berkaitan dengan hak asasi, undang-undang perlembagaan, polisi dan agama.
- Orang Kristian untuk menjadi garam dan terang-Nya supaya mempengaruhi dan memberi impak kepada golongan sederhana melalui gaya dan nilai hidup supaya hati mereka terbuka kepada Berita Baik.
- Agar para hakim, peguam dan pembela akan takut pada Tuhan, dan mereka menjadi orang yang ada integriti, dan menegakkan kebenaran serta keadilan tanpa takut kepada manusia atau berat sebelah dalam pemberian keputusan. Agar lebih ramai orang Kristian bangkit dalam badan kehakiman.

## NOTA:

---

---

---

## MENYAMBUT KRISTUS

di Labuan... untuk  
mengembangkan kerajaan-Nya!

**G**enerasi yang lebih tua membesar dengan television, sementara kaum belia hari ini membesar dengan komputer. Fenomena di seluruh dunia ini telah mengubah seluruh budaya kita. Dengan kemunculan rangkaian global, maklumat disebarluaskan dengan begitu cepat tanpa kawalan! Generasi muda, yang berhadapan dengan komputer sepanjang hidup mereka, dapat mengendalikan perniagaan dengan lebih cepat dan murah. Kaum belia yang mahir dengan video, audio dan bahan bertulis mempunyai lebih banyak potensi untuk mengubah dunia berbanding banyak syarikat.

Pada hari ini, kita melihat tangan Tuhan bergerak di kalangan belia kita. Mereka mempunyai potensi untuk mengubah dunia dan Tuhan sedang mempersiapkan generasi pembawa perubahan. Orang yang ditentukan Tuhan untuk menjadi sebahagian gerakan ini akan termasuk dalam era baru reformasi yang akan mengubah dunia kita.

**Renungan:** **Daniel 12:4** menyatakan bahawa pengetahuan akan meningkat pada akhir zaman. Komunikasi IT telah memungkinkan orang mendapat pengetahuan dengan bebas dan menyediakannya untuk orang kaya dan miskin, tua dan muda.

## BANGSA:

Menguatkan 5-segi pelayanan di kalangan saudara-saudara kita di gereja tersembunyi untuk memperlengkapi orang salih. Strategi yang dilhamkan oleh Tuhan untuk gerakan perintisan gereja supaya ditubuhkan di setiap pekan, kampung dan masyarakat.

## BAHAN DOA:

- Mohon pengampunan atas penyalahgunaan teknologi IT. Mungkin kita telah menggunakan untuk menipu isteri-suami kita, mengelak daripada bersama-sama orang yang kita kasih, mencuri harta intelektual, memuat turun pornografi, menyebarkan fitnah, dsb.
- Berdoa mohon hikmat dan pengertian tentang keadaan masa ini. Berdoa bagi strategi menggunakan IT untuk menjangkau dan mengimpak generasi dan bangsa.
- Gereja – dilengkapi untuk melayani dan memimpin orang yang hidup dalam era teknologi maklumat. Agar para pastor/pemimpin boleh mengenalpasti mana yang benar dan salah, berada di barisan hadapan dalam penggunaan teknologi baru untuk kemajuan kerajaan-Nya.
- Berdoa bagi Menteri Maklumat, Budaya, Komunikasi dan Kesenian, Dato' Seri Dr Rais Yatim, agar dia secara peribadi mengenal Tuhan yang telah mengangkat dia untuk masa seperti ini.

**MENYAMBUT KRISTUS di**  
Sudan... untuk memulihkan  
Bandar-bandar yang rosak dan  
memulihkan bangsa

## NOTA:

---

---

---

# Media & Kesenian

Pada 1962, seorang pengarah FBI berkata, "Pada hari ini, tayangan lebih memajukan jenayah dan kejahatan remaja daripada faktor lain." Kenyataannya memang benar. Media adalah alat yang sangat berkuasa yang boleh memajukan kebaikan atau kejahanan, kesan positif atau negatif. Pada masa ini kita melihat banyak kejadian seks sumbang, ilmu gelap, keganasan, pembunuhan, kekejaman, kadar perceraian tinggi dan sebagainya. Kebiasaan suka ramai juga berubah dengan lebih banyak orang muda yang menonton tayangan dan hiburan dalam talian. Semakin sedikit orang membaca surat khabar dan semakin ramai pula yang memuat turun banyak perkara ke dalam komputer peribadi. Melalui kemajuan teknologi, bahagian media dan kesenian telah mula menujukan rangkaian sosial dan peminat mereka. Bentuk tradisional kehidupan sosial semakin hilang. Di tengah perubahan yang pesat ini, kita bersyukur kepada Tuhan kerana Tubuh Kristus telah mula menebus sektor media dan kesenian. Cabarannya adalah bagaimana kita memasukkan perisian yang benar, dan memantulkan nilai-nilai rohani yang salih, serta sesuai dengan generasi yang lebih muda dan pada masa yang sama, kreatif serta menghiburkan.

**Renungan: Amsal 4:24-26.** Bagaimanakah anda menggunakan masa? Adakah anda prihatin tentang apa yang anda nampak? Adakah ia mengesankan anda secara rohani? Berserahlah kepada Tuhan.

## BANGSA:

Pemimpin politik – mohon kepada Tuhan untuk mengampuni dan membebaskan semua pemimpin dalam pemerintahan yang meminta petunjuk daripada ilmu ghaib / ilmu gelap bagi keuntungan politik. Agar orang Kristian diletakkan di tempat berkuasa untuk menjadi garam dan terang. Berdoa bagi pertemuan ilahi dengan Kristus.

## BAHAN DOA:

- Mohon kepada Tuhan untuk memberi pengertian yang lebih dalam tentang perkara baru yang sedang dilakukan-Nya. Meskipun ada banyak pilihan media, berdoalah agar mata dan telinga kita sentiasa tertumpu kepada-Nya.
- Orang Kristian menggunakan kemahiran dan bakat yang telah diberikan Tuhan kepada mereka untuk menjangkau generasi muda melalui tayangan, muzik, permainan, komik, dsb. Berdoa bagi penyataan kurnia-kurnia ini dalam setiap bahasa: Inggeris, Bahasa Malaysia, Cina, Tamil dan bahasa lain.
- Mohon Tuhan untuk membangkitkan orang Kristian yang akan menjadi perintis teknologi media yang baru. Agar mereka kreatif, relevan dan akan menggunakan setiap medium baru yang tersedia untuk membawa mesej berbentuk nubuat kepada bangsa-bangsa.
- Berdoa agar kerajaan terus menyokong kekreatifan dan kebebasan bercakap dalam kesenian media. Berdoa agar tiada seorang pun yang disekat untuk masuk ke dalam apa yang dikehendaki oleh Tuhan dalam media kesenian.

## NOTA:

---

---

---

**MENYAMBUT KRISTUS** di  
Indonesia.... Semua suku kaum  
untuk menyembah Dia!

Manjeet telah berkhidmat dengan setia untuk Kerajaan sehingga dia bersara. Dia tertunggu-tunggu hari persaraannya tetapi apabila harinya datang, hari menjadi bulan, kemudian tahun. Kemudian dia menjadi gelisah dan bimbang apabila simpanan KWSPnya semakin sedikit dan anak-anaknya bercadang untuk meletakkan dia di rumah orang tua. Pada hari ini, ramai warga tua seperti Manjeet menghadapi kenyataan yang menyedihkan. Satu tinjauan di kalangan pesara yang berumur 65 tahun mendapati bahawa ramai antara mereka telah menghabiskan simpanan mereka (70% simpanan EPF telah habis dalam masa 10 tahun) dan harus bergantung kepada anak-anak yang juga tidak menjalankan tanggungjawab mereka. Ramai yang menghabiskan masa dengan khuatir dan bersempang di kedai-kedai kopi, medan selera, pasaran saham, mengurat perempuan dari China. Ada yang seperti Manjeet telah mula berseru kepada Tuhan, "Kini aku sudah tua dan rambutku pun beruban, jangan tinggalkan aku, ya Allah. Sertailah aku semasa aku mengisyiharkan kuasa dan kebesaran-Mu kepada semua keturunan yang akan datang." (Mzm 71:18).

**Renungan:** Mazmur 71:9, 16-18. Mohonlah kepada Tuhan untuk mengampuni kita jika kita tidak melakukan tanggungjawab terhadap ibu bapa kita yang sudah tua, jika kita tidak memahami keperluan mereka dan tidak berlaku sabar terhadap mereka.

#### TINDAKAN:

Tulis sekeping kad dorongan untuk seorang warga tua sebagai penghargaan baginya.

#### BANGSA:

Projek masyarakat yang dikendalikan oleh gereja di semua negeri – untuk memberkati jiran-jiran kita dan semua kaum tanpa meletakkan persyaratan. Gereja akan menjadi terang-Nya untuk menunjukkan Dia kepada mereka, melalui kasih-Nya dan perbuatan baik.

#### BAHAN DOA:

- Mohon kepada Tuhan untuk menguatkan tali persaudaraan, penyerahan dan tanggungjawab, dan agar anak-anak akan menjaga ibu bapa yang sudah tua.
- Berkatilah semua warga tua dalam Tubuh Kristus agar mereka menggunakan sisa tahun mereka untuk melayani Dia dengan setia, berkongsi, memelihara dan memberi nasihat yang baik kepada generasi muda
- Agar gereja memperlengkapi dan mengintegrasikan warga tua ke dalam pelayanan gereja dan agar ada peluang bagi mereka untuk menjangkau sesama pesara yang merasa khuatir, ragu-ragu, takut, tidak ada tujuan hidup dan sunyi.
- Polisi kerajaan yang berkesan dilaksanakan untuk kebajikan warga tua dan orang kurang upaya. Untuk memberi subsidi biaya kesihatan, makanan, perumahan bagi warga tua, menubuhkan rumah penjagaan orang tua yang diurus dengan baik dan mencari jalan untuk menggunakan mereka dalam usaha pembangunan negara.

#### NOTA:

---

---

---

**MENYAMBUT KRISTUS** ke Iran...  
kuasa-Nya dinyatakan untuk  
mengalahkan kegelapan rohani.

# Tangisan Senyap!

Perperangan telah diisyiharkan sejak permulaan, ketika ‘ular’ bertekad untuk menghancurkan benih si perempuan – keterunannya. Pada hari ini, di kalangan bangsa-bangsa secara global, ratusan juta nyawa yang tidak bersalah telah dicabut sebelum mereka sempat melihat terang. Tindakan mencederakan benih si perempuan juga melukakan hati Tuhan kerana setiap nyawa manusia sangat berharga bagi-Nya. SETIAP nyawa bernilai dan berguna bagi Tuhan! Oleh itu, Gereja sepatutnya menjadi suara-Nya bagi pihak generasi yang tidak berdaya dan TIDAK BERSUARA! Semoga tangisan senyap mereka pada hari ini menjadi tangisan kita...

**Renungan: Kej 1:26-27, Mazmur 139:13-18.** Berhenti sejenak untuk memikirkan hal-hal yang menyedihihan hati Tuhan. Bersyukur kepada Tuhan atas kasih-Nya untuk anda dan semua suku bangsa kerana kita telah dicipta dengan begitu baik mengikut gambar-Nya.

## BANGSA:

Berdoa bagi orang Kristian yang bersembunyi, yang mintabantuan daripada gereja tempatan tetapi tidak mendapatnya, agar mereka terus berharap kepada Kristus. Agar gereja tempatan rela untuk mengambil risiko membantu orang Kristian yang baru, dan agar jemaah menjadi sumber dorongan dan perlindungan bagi orang yang menemukan hidup baru dalam Kristus.

## BAHAN DOA:

- Bertaubat bagi pihak bangsa kita yang telah menumpahkan darah orang yang tidak bersalah, dan memohon pengampunan serta belas kasihan Tuhan bagi mereka yang telah melakukan dosa yang kejam ini.
- Mohon Tuhan untuk memberi pengertian yang lebih dalam tentang kesucian dan nilai semua nyawa manusia. Agar gereja bangkit untuk menjadi suara bagi yang tiada suara!
- Mendoakan program yang dikendalikan oleh organisasi Kristian yang berfokus pada kaum belia, agar lebih ramai remaja mengambil tekad untuk tidak melakukan seks sebelum berkahwin. Agar nilai dan kesucian Tuhan dipulihkan dalam kehidupan remaja.
- Mendedahkan dan menutup semua klinik yang melakukan pengguguran bayi secara haram di negara kita.

## NOTA:

---


---

---

**MENYAMBUT KRISTUS** ke Palestin... untuk menyatakan kuasa dan kemuliaan-Nya!

# Merdeka! Merdeka!

Selama bertahun-tahun, kita telah menikmati kedamaian, kestabilan, pertumbuhan dan kemakmuran walaupun ada banyak kekacauan pada masa-masa dan musim yang berlainan. Tuhan telah memelihara kita sebagai satu bangsa... apabila Tubuh Kristus bangkit dalam doa. Kita sungguh bersyukur kepada Tuhan kerana membangkitkan umat-Nya untuk menjadi pengantara dan pendoa syafaat yang lebih tekun. Selama dua puluh tahun yang lepas, kita telah melihat gerakan doa menjadi semakin maju. Ini baru permulaan. Tuhan ingin membentuk bangsa ini untuk menyatakan kemuliaan dan keindahan-Nya kepada semua suku bangsa dan bangsa-bangsa di negara lain. Marilah terus bersemangat untuk berdoa syafaat dan mengistiharkan "MERDEKA" dalam semua segi!



## ISYTIHARKAN:

- **MERDEKA** atas semua bangsa dan Kerajaan kita! Isytiharkan Yes 60:1-3 ke atas bangsa, dan membebaskannya daripada semua kegelapan rohani. Mohon kepada Bapa Terang kita untuk menyinarkan cahaya abadi-Nya ke atas bangsa kita dan semua suku kaum.
- **MERDEKA** atas Gereja, dan membebaskannya daripada semua pencemaran dunia agar jemaah dapat mengasingkan diri. Panggilan kepada satu pasukan generasi untuk keluar menjadi saksi-Nya di seluruh bidang.
- **MERDEKA** atas institusi kewangan! Isytiharkan Yes 60:5-7, sambil membebaskan bidang ini daripada ketamakan, kebendaan dan penyorohan. Berserulah agar kekayaan yang berlimpah dilepaskan untuk membaiayai penginjilan tempatan dan global.
- **MERDEKA** atas Bidang Pendidikan, dan membebaskan negara kita daripada semua ideologi palsu dan pandangan dunia menurut pendapat manusia. Seruan kepada generasi belia untuk menjadi unggul dalam kepimpinan yang disertai kebijaksanaan, pengetahuan dan kelakuan baik untuk menyahut panggilan Tuhan.
- **MERDEKA** atas IT dan Komunikasi! Membebaskannya daripada serangan si jahat yang berusaha menyemai kebingungan, kerosakan akhlak, pemutarbalikan terhadap kebenaran! Seruan untuk memanggil generasi belia yang percaya kepada Tuhan untuk menguasai bidang ini dengan idea yang kreatif untuk menjangkau orang lain dengan Berita Baik.
- **MERDEKA** atas Media dan Seni, dan membebaskan bidang ini daripada ditanami nilai-nilai yang salah. Agar orang Kristian yang salih bangkit untuk menguasai bidang ini untuk mempengaruhi penonton dengan nilai dan prinsip yang dikehendaki oleh Tuhan.
- **MERDEKA** atas kumpulan majoriti di negara kita! Kebebasan untuk menerima Kristus tanpa halangan.

# Lemah & Tidak Berdaya

Davin tidak suka apabila teman lelaki ibunya tinggal di rumah. Apabila ibu tiada di rumah, teman lelakinya menjadi marah dan ganas. Dengan menarik leher Davin, dia menenangkan rokoknya pada tangan, kaki dan alat kelaminnya sementara Davin berteriak kesakitan. Davin takut memberitahu ibunya kerana dia akan diancam dengan hukuman dan pukulan. Setiap hari kita mendengar kes anak-anak diliwat, didera, dirogol di dalam semak, di bawah jambatan, di kolam dan tasik. Mereka yang masih hidup menjalani kehidupan yang hancur dan penuh ketakutan serta kebencian. Pada 2007, laporan menyatakan bahawa 8 orang Malaysia dirogol pada setiap hari, tidak termasuk kes kanak-kanak dan orang yang hidup dalam penderaan yang tidak dilaporkan. Dalam kebanyakan kes, anak-anak mempercayai dan mengenali pendera mereka, tetapi anak-anak tersebut lemah dan tidak berdaya.

**Renungan: Mat 19:14, Mzm 127:3-4.** Mohonlah pengampunan Tuhan kerana lupa bahawa anak-anak adalah kurnia daripada Tuhan dan mereka adalah kebanggaan, kegembiraan dan pahala kita daripada Tuhan. Mohon kepada Tuhan untuk mengampuni kita kerana menghalang mereka untuk datang kepada Yesus, dan mohon Tuhan untuk menolong kita menghargai, melindungi, membimbing, mendidik dan mengasih setiap anak-anak, tidak kira kaum dan agama.

## TINDAKAN:

Doakan seorang anak hari ini.

## BANGSA:

Berdoa untuk jiran-jiran kita yang belajar di luar negara, agar mereka mengenal Tuhan dan menerima Kristus.

## MENYAMBUT KRISTUS ke

Iraq... untuk memulihkan negara dan bangsa dan menemukan harapan dalam Dia!

## BAHAN DOA:

- Pelayanan anak-anak di setiap gereja agar menjadi rumah api bagi anak-anak dalam masyarakat dan kawasan penjangkauan. Anak-anak Kristian dibangkitkan, dikukuhkan di dalam Firman-Nya untuk menjangkau dan menghiburkan kawan-kawan mereka yang ada keperluan.
- Kawalan dan keselamatan di sekolah, tadika, pusat tuisyen, kedai membeli-belah, dsb. Penguatkuasa undang-undang untuk berjaga-jaga dan berwas-was untuk melindungi anak-anak di tempat awam apabila mereka tidak ditemani oleh orang dewasa.
- Mendedahkan semua pendera anak, sindiket atau individu yang menyerang anak-anak dengan niat jahat. Mohon kepada Tuhan untuk menyembuhkan dan melepaskan anak-anak daripada semua penderitaan: penderaan fizikal, emosi dan rohani.
- Gereja di semua negeri untuk mempunyai usaha yang kuat dan bersatu bagi projek komuniti/sosial untuk menolong, menyelamatkan dan memberikan penjagaan kasih kepada anak-anak yang tidak berdaya dan tanpa bapa.

## NOTA:

---

---

---

Sementara orang lain tidur, Mat Rempit memulakan hari. Mat tertunggu-tunggu perkumpulan harian seperti ini. Kawan-kawannya dalam geng adalah hidupnya. Dia merasa berani bersama dengan mereka, dadah menjadikan dia hidup, jauh dari keadaan di rumah yang tiada arah tuju, melepak di pusat membeli-belah dan dipanggil sebagai orang yang ‘tiada harapan’ dan ‘tidak berguna’. Hidupnya bagaikan sebuah motosikal, selalu bergerak dan semakin laju. Jika laju, dia tidak dapat menjadi perlahan untuk berfikir. Apapun yang diinginkan oleh kumpulannya, dia akan ikut. Kadang-kadang mereka menyerang wanita-wanita muda, bahkan wanita mengandung sekali pun; lain masa pula mereka memukul cermin kereta, mencuri beg dan laptop, merosakkan harta benda dan melakukan lagak ngeri dengan motosikal mereka.

Belia ini dan orang lain seperti mereka harus berdamai dengan ibu bapa, pihak berkuasa dan Tuhan. Ibu bapa, pihak berkuasa dan kerajaan pun harus berdamai dengan mereka serta mencari jalan untuk memulihkan mereka, bukan mengasingkan mereka.

**Renungan: Maleakhi 2.1-8.** Mohon pengampunan Tuhan kerana sebagai bangsa kita telah gagal dalam tugas imam kita menurut Mal 2:5 untuk membawa “hidup dan kedamaian”, belas kasihan dan “didikan yang benar” kepada belia yang belum mengenal Kristus.

### TINDAKAN:

Pandu kereta atau naik LRT bersama dengan rakan doa anda; di sepanjang jalan raya atau lebuh raya, isytiharkan hidup untuk datang dan memberkati semua belia yang hilang agar hati mereka kembali kepada Bapa! Berdoa agar mereka menemukan Kristus dengan cara radikal. Isytiharkan Yes 62.10-12 untuk jalan penyelamatan dan mereka akan disebut orang yang ditebus oleh Tuhan!

### BAHAN DOA:

- Mohon Tuhan untuk mengampuni ibu bapa yang telah hilang tugas imam mereka untuk memberikan “didikan yang benar” kepada anak-anak mereka yang hilang dalam kitaran hiburan, masa lapang, nafsu mata, seks rambang, permainan komputer, parti lewat malam.
- Pembebasan daripada Tuhan datang kepada golongan Mat Rempit, dan membawa kelepasan radikal serta penemuan yang relevan.
- Berdoa untuk jalan yang kreatif untuk menjangkau mereka. Gereja menjadi relevan dalam membina jambatan serta menolong generasi muda dalam masyarakat mereka.
- Kerajaan mempunyai kebijaksanaan dan belas kasihan untuk menangani, melibatkan dan mendidik belia dengan kasih serta pengertian. Untuk melibatkan mereka dalam pembinaan bangsa dan hidup masyarakat yang melampaui budaya dan bangsa. Untuk memulakan program komuniti yang memupuk keutuhan, cinta pada bangsa dan agama.

### NOTA:

---

---

---

**MENYAMBUT KRISTUS di**  
Tunisia... bagi lawatan ilahi di  
kalangan orang di sana!

# Penyalahgunaan Dadah

Sejak dahulu Alex bercita-cita dan ingin belajar di Amerika Syarikat tetapi semuanya berkecaci apabila dia gagal dalam peperiksaan dan teman wanitanya memutuskan perhubungan mereka. Kehidupannya hancur dalam kegelapan yang gelita. Oleh sebab dia tidak dapat menangani perkara yang berlaku, dia melepak di pub-pub dan segera terlibat dengan "kawan" yang salah. Tidak lama kemudian, dia tertarik dengan 'kelab dadah' mereka. Ini hanya satu kes di antara ribuan orang muda yang telah menjadi sasaran dadah dan terjebak di dalamnya. Ada sebilangan yang hanya ingin 'mencuba' kerana ada rasa ingin tahu; ada juga yang ingin melarikan diri daripada kenyataan hidup sementara yang lain mengikut saja orang ramai kerana ditekan oleh rakan sebaya. Ramai yang berasal daripada keluarga yang berantakan dan perhubungan yang putus. Pada hari ini, terdapat 1.2 juta orang penagih dadah dan ramai yang gagal dalam percubaan untuk berhenti daripada tabiat itu. Bagi mereka yang sudah terlepas, mereka sukar mendapat penerimaan sosial. Oleh sebab kecewa, mereka kembali lagi kepada tabiat lama. Sebagai gereja, kita mempunyai tanggungjawab sosial terhadap golongan orang ini. Marilah berseru kepada Tuhan untuk memohon belas kasihan untuk menolong kita menyambut mereka.

**Renungan: Mazmur 107:10-16.** Adakah prasangka terhadap golongan penagih dadah ini? Adakah anda menganggap mereka sebagai suatu ancaman kepada masyarakat? Akuilah dan buang segala prasangka, keagamaan dan kemunafikan. Mohon Dia untuk memenuhi kita dengan kasih dan belas kasihan.

## TINDAKAN:

Kirimlah hadiah kepada pusat pemulihan penagih yang dimiliki oleh pertubuhan Kristian, agar pekerja di sana mendapat dorongan.

## BANGSA:

Tuhan mendedahkan semua pelampau dan ahli kumpulan fundamental yang radikal dalam negara kita. Agar pembiayaan dan sokongan bagi kumpulan-kumpulan itu dilumpuhkan dan didedahkan. Kebijaksanaan untuk pihak berkuasa untuk menghapuskan kumpulan tersebut. Mohon penyataan Tuhan kepada pelampau-pelampau supaya kehidupan mereka berubah untuk melaksanakan maksud Tuhan.

**MENYAMBUT KRISTUS** ke Afghanistan... peperangan berhenti, kedamaian yang berkekalan di negara itu!

## BAHAN DOA:

- Bertindak dengan kuasa untuk melawan roh pemberontakan, keputusasaan dan ketagihan dadah yang cuba merosakkan kaum belia. Guru-guru dan penguatkuasa undang-undang berjaga-jaga terhadap sindiket yang bergerak melalui sekolah dan kolej untuk memerangkap serta merekrut para pelajar.
- Tubuh Kristus akan menjangkau dan menjadi pemberi hiburan, dorongan, arah kepada kaum muda yang menghadapi penolakan dan merasa sunyi. Pelayanan belia yang berkesan untuk menjangkau dalam kasih.
- Mendedahkan pengedar dadah di dalam negara kita, serta makmal tempatan yang memproses dadah di tempat-tempat terpencil. Mendedahkan dan menyingkirkan semua pegawai yang menerima rasuah untuk melindungi sindiket dadah.
- Kumpulan penyokong yang kuat untuk membantu dan menguatkan orang yang telah dilepaskan daripada dadah. Bekas penagih akan mendapat kasih dan penerimaan serta dapat menyesuaikan diri semula dengan jayanya di kalangan masyarakat.

## NOTA:

---

---

---

Pada setiap tahun, ramai belia menyertai program Latihan Khidmat Negara di beberapa tempat tertentu di seluruh negara. Antara objektif yang dinyatakan bagi program ini adalah:

- Melatih generasi muda menjadi patriotik dan mempunyai cinta serta pengabdian kepada negara;
- Menguatkan kesatuan antara masyarakat pelbagai kaum di negara dengan menanam rasa tanggungjawab terhadap sesama dan semangat sukarelawan di kalangan masyarakat; dan
- Membina sikap positif di kalangan generasi muda melalui nilai-nilai yang murni.

Salah satu cara mencapai objektif ini adalah melalui 'Kelas Kerohanian' (kelas agama yang dikendalikan oleh guru-guru sukarelawan). Kelas diadakan pada hari Khamis dan/atau Jumaat malam dari 8.00 hingga 10.30. Lebih daripada 120,000 orang belia dilatih pada setiap tahun. Pada masa ini, lebih 40 daripada 82 kem latihan KN mempunyai pelatih Kristian yang masuk untuk mengendalikan kelas Alkitab. Oleh itu, ini menyediakan peluang yang amat baik bagi orang Kristian untuk memberikan impak yang positif dalam kehidupan kaum belia kita dan untuk menanam jiwa dan sikap yang benar terhadap pembangunan negara.

**Renungan: Mazmur 18:30-40.** Berdoa agar tujuan Tuhan untuk generasi kita yang seterusnya dan objektif KN yang baik akan dicapai. Bukan hanya membina tentera secara fizikal tetapi juga tentera secara rohani.

## BANGSA:

Kolej dan universiti agama. Mendedahkan setiap unsur ajaran pelampau yang disebarluaskan untuk mempengaruhi hati dan fikiran generasi muda jiran kita. Berdoa agar lawatan Tuhan berlaku kepada semua orang yang benar-benar mencari kebenaran dan mengubah hidup mereka sehingga menjadi alat kedamaian-Nya yang berkuasa.

## BAHAN DOA:

- Agar pegawai, pelatih, kaunselor dan pemandu di hutan terdiri daripada orang yang cemerlang, cekap, kreatif, berkelayakan, dan disiplin. Mohon perlindungan semasa mereka pergi ke tapak-tapak kem yang jauh dan terpencil.
- Agar kemudahan dan peralatan dijaga dengan baik; keselamatan dan kebersihan di tempat tinggal, dan penjagaan kesihatan para peserta.
- Agar bilangan guru Kristian yang komited mencukupi untuk dilatih dan diantar kepada SEMUA 82 tapak kem latihan pada tahun 2010. Gereja-gereja mengangkat dan mendoakan tapak-tapak kem dan tiga kumpulan peserta KN setiap tahun di tempat latihan mereka pada 2010.
- Untuk pembaharuan rohani di semua kem latihan dan agar belia Kristian menjadi terang dan garam Tuhan untuk mendorong dan membantu para peserta lain pada waktu mereka memerlukan bantuan. Pendewasaan generasi kita yang seterusnya bagi Kerajaan Tuhan.

## NOTA:

---

---

---

**MENYAMBUT KRISTUS** ke Pakistan... Kuasa-Nya dinyatakan untuk menggagalkan rancangan si jahat!

# *Belia di Sabah & Sarawak*

**HARI 29**  
5 September,  
Ahad

Pihak berkuasa telah berusaha dengan giat untuk mensasarkan generasi muda bagi pengislaman di kalangan orang tempatan, iaitu kaum ‘Bumiputera’ di Malaysia Timur. Pihak berkuasa Islam telah menumpukan aktiviti mereka di rumah-rumah panjang, dan mendirikan asrama dengan warden dan staf yang beragama Islam. Mereka sengaja mempengaruhi para pelajar yang tinggal di asrama dengan nilai-nilai dan cara hidup Islam.

Perkara ini amat membimbangkan kerana kebanyakan penduduk Kristian di Malaysia adalah dari Sabah dan Sarawak. Tindakan segera harus diambil untuk mendedahkan strategi yang digunakan terhadap generasi muda kita dan untuk mendidik belia kita dalam dasar iman agar mereka teguh dan sentiasa tekun mengikut jalan Tuhan.

**Renungan: Kol 2:6-12,** Untuk ‘hidup bersatu dengan Dia’ – apakah ertinya bagi anda? Adakah ini berlaku dalam perjalanan anda dengan Tuhan?

## **BANGSA:**

Pendatang dan jiran kita di Sabah dan Sarawak. Gereja membangkitkan pekerja untuk menjangkau mereka. Membuka dan mempersiapkan jalan untuk menabur ‘Kebenaran’ dan mendoakan gerakan Tuhan yang berkuasa untuk membawa kebangunan rohani kepada mereka.

## **BAHAN DOA:**

- Bersyukur kepada Tuhan kerana menjaga Sabah dan Sarawak. Teruslah memohon kepada Tuhan untuk melindungi belia kita di negeri-negeri ini daripada semua muslihat yang cuba mempengaruhi dan menyesatkan mereka dengan nilai-nilai yang salah.
- Para pastor dan pemimpin tempatan di kawasan pedalaman agar mereka diperkasakan, dibangunkan dan disedarkan terhadap muslihat musuh. Agar mereka giat untuk memberikan amaran, didikan dan kekuatan kepada golongan belia. Agar ada pemuridan dan bimbingan yang kuat di gereja-gereja di pedalaman.
- Agar kewangan dan sumber dilepaskan untuk menubuhkan sekolah Alkitab, pusat latihan, sekolah dan tadika Kristian agar iman generasi yang lebih muda akan dipertahankan dan dikuatkan.
- Membangkitkan lebih ramai pastor dan pemimpin untuk memperkasakan gereja-gereja di pedalaman. Lebih ramai belia yang menyahut panggilan Tuhan untuk menjadi perintis gereja; penginjil, pastor dan guru.
- Kerjasama dan usaha bersama yang lebih kuat dan luas di antara gereja-gereja di Semenanjung dan Malaysia Timur untuk merumuskan strategi misi yang menjangkau orang yang belum mengenal Kristus.

**MENYAMBUT KRISTUS** ke Thailand Selatan... api-Nya untuk membakar semua unsur pelampau!

## **NOTA:**

---

---

---

# Kesatuan dan Kepelbagaian

Mereka bertemu sekali seminggu, belajar Firman Tuhan dan menyanyikan lagu gereja, bersatu dalam Roh Kudus, satu iman dan satu Tuhan. Apabila mereka membaca ayat-ayat yang sukar dalam pembelajaran yang membezakan pandangan denominasi gereja masing-masing, mereka tetap mempertahankan kasih, kesabaran dan perhatian terhadap satu sama lain. Namun, pada hari Ahad, perbezaan mereka dilihat dalam gereja Katolik, karismatik, Brethren, Anglikan, dan Methodist. Ada orang yang mengangkat tangan dan bercakap dalam kurnia lidah, sementara yang lain menyanyikan lagu-lagu gereja dan kaum wanita menutup kepala sebagai tanda hormat. Bagaimanapun, saudara seiman ini percaya bahawa "Hanya ada satu Tuhan, satu iman, satu baptisan" (Ef 4:5). Mereka mencari kesatuan dalam hal-hal yang menyatupadukan mereka, dan menumpukan perhatian pada Firman, doa dan penginjilan, transformasi bangsa serta percaya bahawa satu hari kelak "TUHAN akan menjadi raja seluruh bumi. Setiap orang akan menyembah Dia sebagai Allah dan mengenal Dia dengan nama yang sama" Zak 14:9.

**Renungan:** Ef 4:3-5, Mzm 133. Bersyukur kepada Tuhan atas panggilan yang khas dan kekuatan dalam semua denominasi gereja. Betapa indahnya apabila beberapa bahagian Tubuh yang berbeza dan diwakili oleh semua generasi dapat datang berkumpul bersama! Musuh gementar ketakutan apabila hal ini berlaku!

## BANGSA:

Pendedahan bagi semua ajaran pelampau/sesat yang menanam rasa benci dan perkauman di sekolah-sekolah agama yang merosakkan fikiran anak-anak. Pihak berkuasa mengambil tindakan segera, dan agar Tuhan membuang rancangan jahat ini dan melindungi generasi muda untuk kebaikan dan kerukunan masa depan.

## BAHAN DOA:

- Mohon Tuhan mengampuni kita atas kesombongan dan keangkuhan kita; bergembira atas kurnia orang lain dan ciri khas dalam pengajaran asas.
- Gereja-gereja mempromosikan kegiatan, konferensi yang menyatukan berbagai-bagai denominasi gereja dalam doa, penyembahan, dan Firman, penginjilan di kalangan semua generasi, tua dan muda. Roh kesatuan dan kerjasama untuk berkongsi dan melepaskan sumber dengan wawasan yang sama terhadap transformasi masyarakat, komuniti dan negara.
- Satu SUARA yang bersatu, dengan tujuan yang jelas untuk menghadap pihak berkuasa berkaitan dengan hal-hal yang melibatkan Tubuh Kristus.
- Berkatilah semua ketua denominasi gereja dan berdoalah agar muncul suatu gerakan doa yang bersatupadu.

## NOTA:

---

---

---

**MENYAMBUT KRISTUS** tke Libya... Singa dari Yehuda mengaum atas bangsa ini!

# Jendela 4/14

**A**da seruan peringkat global yang segera untuk memikirkan kepentingan strategik dan berpotensi anak-anak dan belia sejumlah 1.2 bilion dalam Tingkap 4/14 (anak-anak berumur 4 hingga 14 tahun). Sebagai satu gereja kebangsaan, kita perlu membuka hati dan fikiran kita terhadap idea menjangkau dan membangkitkan generasi baru daripada golongan yang besar ini – satu generasi yang boleh mengalami transformasi peribadi dan boleh digerakkan sebagai agen transformasi di seluruh dunia. Wawasan dan harapan adalah untuk meningkatkan impak perubahan semasa mereka masih muda, dan untuk menggerakkan mereka supaya terus-menerus memberi impak sepanjang hidup. Penting sekali kita melihat anak-anak dan kaum belia sebagai tenaga yang penting, strategik, dan mampu mengubah bangsa dan dunia. Semoga hati kita terbuka untuk memeluk Tingkap 4/14 ini dan melepaskan generasi ini ke dalam kepenuhan potensi yang disediakan oleh Tuhan bagi mereka. (*Luis Bush*)

**Renungan: Rat 2:19, Mat 18:14.** Mohonlah dengan segera agar Tuhan menggerakkan hati kita untuk melihat mereka dengan mata-Nya, dan mendoakan generasi ini. Tanyalah Tuhan tentang bagaimana anda boleh membina golongan ini.

## BANGSA:

Tuhan mencurahkan Roh-Nya atas generasi 4/14 daripada semua kaum; mimpi dan visi yang menyatakan Kristus dan tujuan kekal mereka dalam Dia.

## BAHAN DOA:

- Mohon Tuhan untuk memberikan penyataan hati-Nya kepada jemaah-Nya, untuk menggoncangkan, menghancurkan, dan mengubah kita dengan apa yang dilihat-Nya, dirasakan-Nya dan didengar-Nya berkaitan dengan anak-anak.
- Membangkitkan pekerja, guru-guru Sekolah Minggu yang mengerti keperluan, sifat dan potensi generasi yang sedang muncul, untuk memuridkan dan melengkapi mereka supaya dapat mengubah sekolah, masyarakat dan negara mereka.
- Bersyukur kepada Tuhan atas gerakan doa kanak-kanak di peringkat kebangsaan. Berdoalah agar di setiap gereja tempatan, Tuhan akan membangkitkan pemimpin doa yang dilengkapi untuk mengajar dan memperkasakan anak-anak serta belia untuk berdoa.
- Tuhan melindungi dan memelihara generasi ini dan arah tuju kehidupan mereka, untuk membentuk mereka menjadi generasi yang mengisytiharkan firman Tuhan dengan komitmen yang radikal dan kecemerlangan dalam kelakuan untuk menjadi pemimpin-Nya pada masa akan datang, untuk membentuk masa depan negara.

## NOTA:

---

---

---

**MENYAMBUT KRISTUS di**  
Yemen... bagi lawatan Tuhan  
yang luar biasa di kalangan suku  
bangsa!

# Membangunkan RAKSASA!

Iblis amat takut apabila dia memikirkan potensi Gereja yang tidak terbatas. "Biarlah Gereja tidur! Jika dia bangun, dia akan MENGGONGANGKAN dunia!" kata sebuah pepatah. Bukanakah Gereja berupa raksasa yang sedang tidur pada hari ini? Lebih banyak pernyataan sensasi keagamaan yang kita lihat daripada pernyataan pembaharuan rohani dan fenomena yang luar biasa! Pada hari ini, sedikit orang Kristian yang lupa bahawa iblis bergerak bagaikan singa yang mengaum. Tetapi kita seolah-olah tidak ingat bahawa Singa dari suku Yehuda telah mengalahkan "singa yang mengaum". Oleh itu, setiap Simson dan Gideon dan gereja yang diurapi boleh menang atas "singa dari neraka". Walaupun orang jahat melakukan perkara jahat, janji Tuhan kepada kita adalah "Dengan tipu daya raja akan berjaya mendapat sokongan orang yang telah meninggalkan agama itu, tetapi pengikut-pengikut Allah akan melawannya" (Daniel 11:32). (*Leonard Ravenhill*)

**Renungan: Yes 52:1-12.** Mohon kepada Tuhan untuk membersihkan setiap 'sarang laba-laba', debu yang telah membuat roh anda tidak bersemangat lagi. Tanggalkan setiap penyangkalan diri, penipuan diri sendiri dan dusta. Mohon Tuhan untuk menyucikan serta membangun jiwa anda.

## BANGSA:

Para pengikut Kristus di Timur Tengah sering ditindas. Berdoa agar terjadi kebangkitan iman dan kehidupan rohani di kalangan para pengikut-Nya di seluruh wilayah, dan memampukan mereka untuk menjadi saluran hidup-Nya kepada jiran-jiran kita.

## BAHAN DOA:

- Berseru kepada-Nya untuk membangunkan tubuh Kristus agar dipulihkan kepada kedudukan rohani yang sebenar, dan kesedaran serta pertaubatan berlaku. Akui dan bertaubat daripada sikap puas hati, cukup sendiri, seronok sendiri, acuh tak acuh, dan hawa nafsu, dsb.
- Memulihkan semangat dan kelaparan untuk mengambil masa dengan Tuhan dan Firman-Nya dalam Tubuh Kristus. Orang percaya mendapat ilham daripada pengharapan daripada-Nya dan panggilan-Nya untuk mereka supaya menjadi garam dan terang-Nya.
- Kelompok Doa muncul di semua peringkat yang berpengaruh, serta menjangkau dan mendirikan pemuridan yang kuat di sekolah, kolej, kawasan perumahan, dan tempat kerja, dsb.
- Isytiharkan jalan yang terbuka dan mohon Tuhan untuk mengangkat panji-Nya atas Gereja dan negara kita untuk mematahkan rancangan si jahat, agar RAKSASA-NYA akan BANGKIT dan BERSINAR pada hari kuasa-Nya dinyatakan! Umumkan bahawa TUHAN kita MEMERINTAH di atas Malaysia.

## NOTA:

---

---

---

**MENYAMBUT KRISTUS** ke Saudi Arabia... untuk kembali kepada Tuhan Yang Maha Tinggi!

# Tanggalkan Mahkota Anda

**W**ahyu 4:10 menggambarkan suasana yang indah apabila 24 penatua tunduk dengan muka ke tanah serta menanggalkan mahkota mereka sebagai penyembahan kepada Anak Domba di atas Takhta. Suasana di syurga ini memberikan gambaran bagi Gereja yang mengakui Kristus sebagai Tuhan. Kita perlu membuka semua dan menyerahkan diri kita di hadapan takhta Tuhan, mengorbankan kepentingan diri sendiri, kedudukan, pencapaian, serta mati terhadap diri sendiri dan menyerahkan "hak" mutlak kita kepada-Nya! Kita perlu melihat yang terbaik dalam hidup orang lain, menguatkan, memperkasakan dan melepaskan generasi yang seterusnya dan orang yang ikut supaya bangkit tanpa pergaduhan dan persaingan! Adakah anda rela?

**Renungan: Why 4:9-10, 7:9-17.** Carilah Tuhan untuk menyatakan isi hati anda dan apa yang dituntut-Nya daripada anda.

## **TINDAKAN:**

Ambil sekeping peta (jika tiada peta, tulislah pada kertas nama sebuah pekan, bandar atau bangsa), letakkan tangan di atas nama kota atau negara tersebut, dan berdoalah agar kebangunan rohani berlaku di sana.

## **BANGSA:**

Berdoalah agar pencari kebenaran yang sungguh dalam kalangan jiran kita dapat dihubungkan dengan orang percaya, menurut janji temu Tuhan. Mereka akan menerima Firman Tuhan, DVD dan bahan-bahan lain yang membantu tentang Jalan Tuhan. Agar Roh Kudus membuka fikiran mereka untuk mengerti Berita Baik.

**MENYAMBUT KRISTUS** ke Mali...  
agar ada kehidupan!

## **BAHAN DOA:**

- Tinggaikan dan bertaubat bagi pihak Tubuh Kristus atas sikap mementingkan diri, pergaduhan, persaingan, rasa tidak aman dan perbalahan, iri hati, cemburu... Berdoa agar kasih semakin mendalam dan ada keinginan yang kuat untuk mengikut Kristus dan mencari orang yang belum mengenal Kristus.
- Pimpin/pastor/penatua yang rohani di gereja-gereja agar kehidupan dan perbuatan mereka menyatakan kerendahan hati, kasih kepada Tuhan, sesama dan semua kaum.
- Agar dipenuhi oleh kebijaksanaan, ilham dan pengetahuan rohani; agar setiap generasi diperkasakan, dikuatkan dan dilepaskan untuk memenuhi panggilan mereka.
- Agar ada kesatuan yang lebih teguh dalam kerjasama strategik untuk memenuhi Amanat Agung di kalangan semua gereja. Perintis-perintis baru dibangkitkan dan diutus untuk menjangkau orang yang belum dijangkau.

## **NOTA:**

---

---

---

# Sikap Terdesak Yang Suci

Kita perlu merasa terdesak dalam doa kita. Di dalam Yesaya 38, ketika Raja Hizkia diserang penyakit, seorang nabi diutus dan diberitahu bahawa dia akan mati. Dengan rasa terdesak, dia memalingkan mukanya ke tembok dan berdoa sambil menangis. Tuhan mendengar doanya lalu menyembuhkan dia dan menambahkan 15 tahun lagi kepada hidupnya. Kerana belas kasihan, Tuhan melepaskan dia dan membela kotanya.

Sebagai jawapan kepada doa yang tekun dan terdesak, Tuhan mungkin mengubah arah tuju hidup dan negara kita. Fikiran dan jalan Tuhan lebih tinggi daripada fikiran dan rancangan kita. Dalam masa-masa seperti ini, apabila kita berseru kepada-Nya, Dia akan mendengarkan seruan kita. Dia mencari hati yang rendah dan penuh taubat. Mungkin kita sempat melihat pembebasan-Nya yang besar untuk negara kita. Kita juga ada warisan untuk diturunkan kepada generasi yang seterusnya. Warisan iman kita akan diturunkan kepada anak-anak kita kerana kita telah menjadi pengantara dan melihat pembebasan-Nya terhadap hidup dan negara kita. Pada masa-masa genting ini, kita memerlukan gabungan kekuatan doa syafaat dan seruan yang terdesak dari hati kita agar benar-benar membawa perbezaan untuk mengimpak generasi kita dan generasi akan datang.

**Renungan: Mat 5:3, Yes 38.** Bilakah anda merasa terdesak sehingga berseru dengan sepenuh hati kepada Tuhan? Beritahukan dan akuiyah kepada Tuhan rasa cukup sendiri dan mohon kepada-Nya untuk merendahkan hati kita.

## BANGSA:

Kehausan rohani yang mendalam untuk terjadi di kalangan anak-anak Ismael supaya mereka mencari Kebenaran dan dipenuhi oleh Roh Kebenaran yang membawa mereka kepada Kristus. Kelompok rumah bagi orang percaya akan berlipat kali ganda dalam masyarakat mereka.

## BAHAN DOA:

- Roh Kudus-Nya bergerak dalam Tubuh Kristus sehingga sampai ke tahap terdesak. Kehausan dan kerinduan yang meluap-luap akan Tuhan. Pemulihan cinta yang mula-mula dan kelaparan akan Firman-Nya.
- Gereja-gereja menjadi rumah doa dan ribuan kelompok doa diadakan di rumah, pejabat, sekolah, kolej, jabatan kerajaan.
- Mohon dengan sangat kepada Tuhan agar setiap orang Kristian terdesak mencari jiwa-jiwa dan mempunyai beban bagi orang yang belum mengenal Kristus. Agar orang Kristian dilengkapi dan diperkasakan untuk memberitakan Berita Baik, mengajar dan memuridkan orang Kristian yang baru agar bertumbuh dalam pengenalan akan Dia.
- Mohon kepada Tuhan untuk memecahkan tembok pemisah dan kubu pertahanan yang telah memerangkap orang dalam masyarakat anda, pekan atau kota dalam kegelapan rohani. Undanglah Hadirat-Nya untuk menyentuh dan membuka hati orang kepada Berita Baik.

## NOTA:

---

---

---

## MENYAMBUT KRISTUS ke

Algiers... supaya haus dan lapar  
akan Kebenaran!

# SATU Kuasa!

HARI 35  
11 September,  
Sabtu

**D**i gereja awal, Tuhan memakai orang biasa dan sederhana untuk mengubah seluruh Empayar di Asia Kecil. Kerajaan Tuhan diumpamakan seperti biji sesawi yang bertumbuh menjadi gerakan yang berkuasa sehingga mengubah seluruh budaya dan masyarakat. Pada hari ini, Tuhan memakai orang biasa dan sederhana untuk mengimpak bangsa-bangsa. Apabila setiap orang percaya dalam setiap generasi mula mengasihi dan menghargai satu sama lain, tidak kira kaum dan kedudukan, menerima sesama dalam kasih yang ikhlas dan berdiri bersama sebagai SATU kekuatan yang digabungkan, maka tiada yang dapat menghalang kuasa Tuhan daripada melanda seluruh bangsa, dan melepaskan berkat kebangunan rohani. Ini BUKAN suatu impian melainkan suatu KENYATAAN pada akhir zaman! Marilah kita mengikut Tuhan dan berjalan dalam kasih, sambil menerima dan menganggap orang lain LEBIH penting daripada diri kita sendiri, supaya semua orang tahu bahawa kita adalah pengikut-Nya.

**Renungan: Yohanes 13.34-35.** Akui kesombongan, prasangka, kepatuhan kepada agama, iri hati, pembohongan, rasa tidak aman bagi pihak Tubuh Kristus. Berdoalah untuk pembersihan yang terperinci dalam Tubuh Kristus dan agar semua kemunafikan ditanggalkan.

## BANGSA:

Kesedaran global di kalangan jiran kita. Marilah kita berseru, "Tuhan, Engkau sudah berfirman, 'Tetapi sebagaimana lautan penuh dengan air, demikianlah bumi pun akan penuh dengan orang yang mengenal TUHAN dan kuasa-Nya.' Tuhan, semoga Nama-Mu dimasyurkan dan diberitakan di seluruh wilayah di dunia." Hab 2:14 & Mat 24:14.

## BAHAN DOA:

- Berkataliah Tubuh Kristus dan berdoa mohon kasih yang sejati, penjagaan dan keprihatinan untuk sesama, tetapi terutamanya bagi kumpulan yang terpinggir.
- Perhubungan yang sungguh dalam Tubuh Kristus, sehingga pemuridan dan bimbingan yang kuat terdapat dalam setiap generasi.
- Setiap orang Kristian di setiap bidang yang berpengaruh akan mengimpak semua kumpulan orang untuk datang kepada penyelamatan kerana rahmat Tuhan kita Yesus.
- Semua Gereja menjadi SATU, disatukan dalam tujuan dan visi di bawah Ketuhanan-Nya untuk memenuhi Amanat Agung di setiap suku dalam negara kita. Agar kewangan dan sumber-sumber dilepaskan untuk membantu gereja-gereja di pedalaman untuk meluaskan lagi kerajaan-Nya.

## NOTA:

---

---

---

**MENYAMBUT KRISTUS** di Somalia...untuk hujan akhir!

# Memperkasakan & Melepaskan Generasi Seterusnya

Tuhan telah membangkitkan generasi belia dengan "roh yang lain". Seperti Kaleb di dalam Bilangan 14.24, mereka membawa meterai hamba-hamba Tuhan yang mengikut-Nya dengan sepenuh hati. Dengan keberanian dan iman, mereka bersedia untuk mewarisi semua yang telah ditentukan oleh Tuhan bagi mereka. Mereka suatu generasi yang menang, umat yang disedarkan oleh pernyataan Tuhan dan mereka diperkasakan untuk hidup sebagai "mendapat kemenangan yang sempurna" (Rom 8.37-39), dengan potensi untuk mengimpak generasi sekarang dan akan datang. Masanya sudah tiba untuk kita mengakui, memperkasakan dan melepaskan generasi ini untuk "menakluki tanah ini"!

Tuntut penepatan **Bilangan 14:24** dan **Roma 8:37** untuk belia. Berdoalah untuk diri anda, anak-anak anda dan pemuda-pemudi lain dengan menyebut nama mereka. Biarlah kasih Tuhan menguasai seluruh hidup kaum belia agar mereka menjalani hidup dengan suatu perbezaan, kerana diperkenan oleh Tuhan dan manusia.

## BANGSA:

Tuntut Yes 62.1, penyelamatan Malaysia akan menjadi Obor-Nya yang menyala. Berseru kepada Tuhan untuk lawatan yang hebat daripada Roh Tuhan untuk menggongangkan dan membangun kumpulan majoriti dan minoriti kita kepada Jalan, Kebenaran dan Hidup! Tangislah jiwa-jiwa dan mohon kebangunan rohani secara kebangsaan!

## BAHAN DOA:

- Mohon belas kasihan Tuhan untuk belia yang telah menggantikan keinginan mereka akan Tuhan dengan keinginan lain yang menjauhkan mereka daripada Tuhan dan Tubuh Kristus. Isytiharkan bahawa tiada apa pun yang dapat memisahkan mereka daripada kasih-Nya.
- Agar generasi kaum muda ini mempunyai roh yang berbeza, dengan hati yang tunduk kepada kekuasaan di dalam rumah, gereja dan sekolah.
- Pemimpin rohani untuk menjadi model teladan untuk mengajar, memimpin dan menjadi mentor kepada mereka yang bakal menjadi pemimpin yang menyenangkan hati Tuhan.
- Gerakan yang berkuasa daripada generasi muda yang akan mengambil peranan untuk negara ini, dan terlibat secara aktif di kalangan awam untuk menjadi suara-Nya supaya menegakkan keadilan dan kebenaran.

## NOTA:

---

---

---

**MENYAMBUT KRISTUS** ke Singapura... menjadi obor-Nya kepada bangsa-bangsa!

# Memiliki Warisan Kita

Tuhan telah memerintah supaya kita menjangkau bangsa-bangsa. Kita telah meminta tetapi sekarang Dia menyuruh kita, setiap generasi dalam Keluarga Tuhan, untuk pergi dan "memiliki bangsa-bangsa" dengan Firman-Nya. Firman-Nya memerintah kita untuk menjadi kuat dan berani serta memiliki suku-suku dan tanah. Dia berjanji menyertai kita. Dia akan mendahului kita. Oleh itu, marilah kita bangkit dan pergi memiliki tanah dengan Firman Tuhan!

**Renungan: Mazmur 2:8, Why 7:9-10.** Adakah anda percaya bahawa Tuhan telah menyerahkan bangsa ini ke dalam tangan anda? Atau adakah anda patah semangat kerana 'raksasa' penghalang yang menghalang masa depan anda? Apa pun ketakutan anda, marilah kita mengakui dan menyingkirkan setiap keraguan, ketidakpercayaan dan keputusasaan. Marilah tetap teguh dalam keyakinan kita dan berdiri kukuh di atas Firman-Nya pada hari ini untuk menuntut bangsa ini.

## BANGSA:

Mohon kepada Tuhan untuk membuka penutup hati dan fikiran jiran kita. Isytiharkan bahawa kerajaan zaman ini adalah kerajaan Tuhan kita! Apabila penutup itu dibuka, berdoalah agar ramai orang akan melihat Dia yang bersemayam di atas Takhta-Nya dan mereka akan mengiktiraf Dia!

## BAHAN DOA:

- Bersyukur kepada Tuhan atas warisan yang kaya ini, agar sempadan negara ini ditandai oleh Tuhan dan kemuliaan-Nya. Tuntutlah, Mazmur 24.1, "Malaysia dan segala isinya milik TUHAN; dunia dan semua yang mendiaminya kepunyaan-Nya."
- Bersyukur kepada-Nya atas kepelbagaiannya budaya dan suku di semua negeri. Tuntutlah Why 7:9-10 bahawa semua suku dan bahasa akan berdiri di hadapan Anak Domba Allah.
- Berdoa agar tujuan Tuhan untuk menebus semua orang akan menjadi kenyataan. Agar Gereja menunaikan tujuan dan panggilannya:
  - untuk menjangkau jiwa yang belum diselamatkan, baik suku-suku tempatan maupun jutaan orang pendatang yang ada di sekeliling kita.
  - agar ribuan orang menyahut panggilan Tuhan untuk diutus kepada bangsa-bangsa, kepada tiga kumpulan terbesar jiwa-jiwa yang belum selamat.
- Setiap orang percaya bersemangat untuk berdoa dan dengan sengaja memulakan kelompok doa di tempat-tempat yang gelap secara rohani, agar Berita Baik menembusi setiap bahagian negara.

## NOTA:

---

---

---

**MENYAMBUT KRISTUS** ke Myanmar... untuk mematahkan belenggu penindasan!

# Ditentukan untuk Memerintah!

Pada hari ini, biarlah kesyukuran mengalir kepada Bapa kita kerana kebebasan kita dalam Kristus, serta memanggil kita sebagai anak-anak-Nya! Kita sedang berada dalam zaman pemulihan bagi semua generasi. Kita tidak akan diumbang-ambingkan lagi, tetapi kita akan berdiri teguh di atas dasar-Nya. "... kita harus mengatakan perkara-perkara benar dengan hati yang penuh kasih, sehingga kita menjadi matang dalam segala hal dan menjadi seperti Kristus, iaitu kepala jemaah. Di bawah pimpinan-Nya, semua anggota tubuh yang berlainan itu tersusun rapi, dan seluruh tubuh itu dihubungkan oleh sendi-sendi yang sudah tersedia. Oleh itu, apabila setiap anggota bekerja dengan sepatutnya, seluruh tubuh itu akan membesar dan menjadi kuat, kerana kasih" (Ef 4:15-16). Sampai masanya kita bertumbuh dan menyingkirkan setiap sikap 'kekanak-kanakan' dan tabiat manusia yang berdosa, sambil kita mengenakan jubah diraja-Nya sebagai anak-anak kebenaran!

**Renungan:** **Roma 8:14-17, Why 5:10.** Mohon kepada Tuhan untuk membuka mata untuk mengerti penyataan penuh tentang hak sebagai anak dan menggunakan apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kita supaya dapat berjalan sebagai anak-anak Tuhan yang menang. Menanggalkan dan membuang setiap roh rendah diri atau kalah, sifat kekanak-kanakan dan tabiat manusia yang berdosa. Kita semua ditentukan untuk menjadi raja dan imam, sebagai kepala dan bukan ekor!

## BANGSA:

Jabatan Perdana Menteri telah memulakan Program Transformasi Kerajaan yang diketuai oleh Datuk Idris Jala. Berdoalah agar dia mendapat hikmat dan strategi yang diilhamkan Tuhan untuk melaksanakan projek-projek dengan berkesan dan perlindungan daripada semua pencubaan di sekelilingnya. Semoga ada kesedaran yang sungguh dalam diri setiap ahli politik Kristian dari Malaysia Timur terhadap panggilannya dan berkhidmat dengan matlamat, rasa takut dan hormat. Keberanian untuk menegakkan keadilan dan kebenaran.

## BAHAN DOA:

- Kuasa yang diberikan-Nya dalam Kristus ketika Dia membangkitkan Dia daripada kematian, kuasa yang sama untuk datang ke Gereja-Nya untuk membangkitkan dia daripada tidur dan kelemahan rohani serta tabiat manusia yang berdosa dan masuk ke dalam HIDUP BARU dan KUASA, untuk berjalan sebagai anak-anak Tuhan.
- Memulihkan dan menyatakan semua generasi untuk-Nya serta melepaskan mereka ke tahap baru dalam kedewasaan. Untuk menyediakan mereka sebagai Pengantin perempuan-Nya yang mulia.
- Pimpin rohani (rasul, nabi, penginjil, pastor dan penatua) untuk memperkasakan dan "mempersiapkan umat Tuhan untuk kerja-kerja kebajikan". Mendidik dan menggiatkan anggota-anggota Tubuh untuk ditempatkan dengan tepat supaya dapat menggunakan kurnia dan panggilan mereka agar seluruh Tubuh dibangunkan.
- Mendapat strategi untuk meruntuhkan kubu pertahanan dalam masyarakat anda, kota dan negara. Melepaskan pelayanan kerasulan dan kenabian dalam negara kita.
- Isytiharkan Ef 3:20-21 – Dengan kuasa Allah yang bekerja dalam diri kita, Allah dapat melakukan perkara yang jauh lebih banyak daripada yang kita minta atau fikirkan. Hendaklah Allah dimuliakan selama-lamanya di kalangan jemaah, melalui Kristus Yesus! Terpujilah Allah! Amin.

## NOTA:

---

---

---

**MENYAMBUT KRISTUS** ke Brunei... untuk membuka pintu yang tidak boleh ditutup oleh sesiapa pun!

# Mempersiapkan Pengantin Perempuan-Nya yang Mulia!

Pada masa yang genting ini, Pengantin Kristus mesti BERSEDIA! Dalam perumpamaan 10 orang perempuan dalam Mat 25:1-13, lima orang mempunyai persiapan yang cukup kerana mereka ada minyak lebih di dalam bekas (Mat 25:4). Lima perempuan yang lain ada pelita tetapi tiada minyak lebih. Pada tengah malam, pengantin lelaki datang. Lampu lima orang perempuan yang tidak membawa minyak lebih itu pergi mencari minyak lebih dan belum kembali ketika pengantin lelaki tiba. Apabila mereka kembali dan mendapati jamuan kahwin sudah bermula, mereka minta masuk tetapi tidak dibenarkan lagi.

Kedatangan Yesus sudah dekat, tetapi tidak semua orang akan bersedia secara rohani untuk itu. Kedatangan-Nya mendadak dan tidak diduga. Mereka yang gagal mengakui Dia sebagai Tuhan tidak boleh masuk ke dalam kerajaan-Nya. Oleh sebab masa Dia kembali tidak diketahui, marilah pertimbangkan bagaimana kita seharusnya hidup. Inilah panggilan kecemasan kepada semua generasi untuk tetap BERJAGA, BERWASPADA dan BERSEDIA!

**Renungan: Mat 25:1-13.** Tanyalah diri anda dengan jujur, "Bagaimanakah saya menggunakan masa, harta atau bakat? Adakah saya bersedia menyambut kedatangan-Nya?" Marilah menanggalkan segala kepalsuan, kepura-puraan, ketumpulan rohani dan sikap membenarkan diri, dan izinkan Roh-Nya untuk membaharui kita dalam komitmen kita kepada-Nya.

## BANGSA:

Tuaian akhir-zaman: "Berita Baik tentang bagaimana Allah memerintah akan dikhaskan ke seluruh dunia supaya semua orang mendengarnya. Setelah itu barulah tiba akhir zaman." Mat 24:14. Gereja global dipersiapkan bagi gerakan-Nya pada akhir zaman. Menonjolkan penuai-penuai baru yang akan bergerak dengan tanda ajaib dan mukjizat untuk menuai tuaian. Penerobosan terhadap pemilikan sumber dan dana untuk pelayanan akhir zaman!

## BAHAN DOA:

- Berserulah kepada Tuhan untuk menunjukkan standard-Nya dan membawa Tubuh-Nya ke tahap kemurnian dan kesucian yang lebih tinggi, dan mengasingkan diri daripada semua kecemaran dan mengenali masa dan musim.
- Panggilan ke bilik suci-Nya – orang Kristian masuk ke dalam musim keintiman yang baru; mendapat urapan baru pada setiap hari untuk melayani kerana perhubungan kasih.
- Panggilan untuk menjadi penjaga – sedarkan orang Kristian kepada panggilan-Nya yang mulia untuk menjadi penjaga untuk menjaga dan berdoa dengan tekun dan penuh semangat, sambil membaharui iman dan fokus sehingga masa Kerajaan-Nya datang! Kelompok Doa ditubuhkan di pejabat swasta/kerajaan, taman perumahan, pangaspuri, taman, di tempat yang belum ada kelompok doa di semua negeri.
- Berserulah agar:
  - kebangunan rohani yang terbesar akan berlaku dalam kalangan suku-suku yang belum menerima penyelamatan-Nya
  - Pengantin-Nya yang Mulia dan tanpa cacat cela akan bersedia untuk kedatangan-Nya yang Gemilang! Maranata! Datanglah, ya Tuhan Yesus, Datanglah! Roh dan Pengantin Perempuan itu berkata, AMIN!

## NOTA:

---

---

---

**MENYAMBUT KRISTUS** agar Kemuliaan-Nya dinyatakan kepada semua makhluk!

# Keunggulan Kristus!

Firman Tuhan mengisyiharkan, '**Diberkatilah bangsa yang memiliki Allah sebagai Tuhannya!**' Apabila Kristus ditinggikan dan ditabalkan di atas suatu bangsa, pintu-pintu syurga akan dibuka untuk memberkati bangsa. Kegelapan akan disingkirkan, penjara dibuka, musuh dihancurkan dan tanah pun akan dipulihkan. Marilah kita bangkit sebagai umat Tuhan dan menyambut Raja Kemuliaan untuk memerintah dan menguasai tanah ini.

## **Menabalkan Kristus sebagai Ketua Bangsa kita**

Perintah: Kerajaan dunia akan menjadi kerajaan Tuhan kita!

## **Menabalkan Kristus sebagai Ketua Gereja**

Kuatkuasakan: Kekuasaan Kristus untuk memerintah atas Gereja-Nya untuk datang dalam kepuhanan dan kematangan Tubuh Kristus. Melepaskan kurnia pelayanan 5-ganda untuk melengkapi orang salah bagi penuaan akhir.

## **Menabalkan Kristus sebagai Ketua atas Rumah tangga**

Memulihkan Ketua keluarga kepada kedudukan mereka – untuk mengetuai, memimpin dan mendidik anak-anak mengikut jalan Tuhan. Memerintahkan penepatan Mal 4:6, membawa penyembuhan dan pemulihan dalam semua perhubungan, berdiri bersama sebagai SATU pasukan yang berkuasa.

## **Menabalkan Kristus sebagai Ketua atas semua yang Berkuasa**

Lepaskan: Berkat atas mereka yang ada kedudukan berkuasa untuk melaksanakan maksud Tuhan. Agar rintangan yang menghalang tujuan Tuhan dipatahkan. Menempatkan orang lelaki dan perempuan yang diperkenankan Tuhan untuk menduduki tempat yang berkuasa.

## **Menabalkan Kristus sebagai Ketua atas seluruh alam pengaruh**

Isytiharkan Firman-Nya:

"Kristus serupa dengan Allah, tetapi Kristus dapat dilihat, sedangkan Allah tidak. Kristus itu Anak sulung yang lebih utama daripada segala sesuatu yang diciptakan. Hal itu demikian kerana melalui Dialah Allah menciptakan segala sesuatu di syurga dan di atas bumi, segala sesuatu yang kelihatan dan yang tidak kelihatan, termasuk juga roh-roh yang berkuasa dan yang memerintah. Allah menciptakan alam semesta melalui Kristus dan untuk Kristus. Kristus sudah ada, sebelum segala sesuatu ada. Kerana Dia juga, segala sesuatu mempunyai tempat yang bersesuaian. Kristuslah kepala jemaah, iaitu tubuh-Nya. Dialah sumber kehidupan jemaah itu. Dialah Anak sulung Allah; Allah membangkitkan Dia daripada kematian, supaya Kristus sahaja yang menjadi terutama daripada segala sesuatu. Allah sendiri yang menentukan bahawa keperibadian Allah juga terdapat dengan sepenuhnya dalam diri Anak. Melalui Anak juga, Allah mengambil keputusan untuk membawa segala sesuatu, baik yang di bumi maupun yang di syurga, kembali kepada-Nya. Allah melakukan hal itu melalui kematian Anak-Nya di kayu salib."

Amin!

Kol 1:15-20

# MISSIONAL CHURCH CONFERENCE

ITS CONTRIBUTION TO TRANSFORMATION OF SOCIETY

# Life Outside Church



**26–27 August 2010 • Wisma Eagles, Full Gospel Tabernacle**

**STEP OUT** if you want your church to make a difference in your community. Be the Missional Church that touches lives, uplifts standards, transforms society.

Come and learn more about the Missional Church – her role and purpose, and how Malaysian Christians may be nurtured and mobilised into every sphere of society to be agents of transformation in every aspect of human life.



Dr Paul Alexander has over 30 years' ministry experience in the pastorate in three different nations. His ministry has taken him on extensive travels to over fifty different nations and today, he continues to motivate leaders and churches to reach their full, missional potential.

#### WHO SHOULD ATTEND?

*Pastors, Elders, Church Leaders and every Christ-loving Christian who thinks the world can be a better place.*



For more info, log on to  
[www.necf.org.my](http://www.necf.org.my) or call us  
at 03 - 7727 8227.



# **MENYATUPADUKAN GENERASI**

**Menabur melalui tabungan makan anda.  
Gunakan sampul surat yang disediakan.**

**Nota: Untuk maklumat lebih lanjut mengenai setiap negeri dan  
wilayah persekutuan, sila layari di laman web kami.**



32 Jalan SS2/103, 47300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
03 7727 8227 (t) • 03 7729 1139 (f) • [enquiries@necf.org.my](mailto:enquiries@necf.org.my) • <http://www.necf.org.my>